

SEKATARAKYAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

2026



ATUR CARA

MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TAHUN 2026

7.15 pagi – 8.00 pagi	: Ketibaan & Pendaftaran Para Perwakilan
8.00 pagi – 9.00 pagi	: Ketibaan Para Tetamu Jemputan
9.00 pagi	: Taklimat Keselamatan
	: Nyanyian Lagu Negaraku & Kecemerlangan Koperasi
	: Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran
	: Bacaan Doa
	: Ucapan Perasmian Pengerusi Sekatarakyat Datuk Mohamed Arsad Sehan
10.00 pagi	: Kudapan (<i>Refreshments</i>)
10.30 pagi	: Mesyuarat Agung Perwakilan Bermula

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

ISI KANDUNGAN / PERJALANAN MESYUARAT

Bil	Perkara	Kandungan	Mukasurat
i.		Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	MAP 8 – MAP 9
ii.		Perutusan Pengerusi Bank Rakyat	MAP 10 – MAP 11
iii.		Perutusan Pengerusi Sekatarakyat	MAP 12 – MAP 13
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE TIGA PULUH (KE-30)			
1		Garis Panduan Etika Mesyuarat Agung Perwakilan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	MAP 15 – MAP 25
2		Ucapan Y. Bhg. Datuk Pengerusi Sekatarakyat	
3		Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke Tiga Puluh (Ke-30)	MAP 27 – MAP 28
4		Pelantikan Pengerusi Mesyuarat	
5		Pelantikan Pencatat Minit	
6	10	Pelantikan Jawatankuasa Penentusahan Minit Mesyuarat Agung kali ke Tiga Puluh (Ke-30)	MAP 294
7	1	Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke Dua Puluh Sembilan (Ke-29) Tahun 2025	MAP 30 – MAP 58
8	2	Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit dan Lembaga Koperasi 1) Laporan Lembaga Pengarah a) Profil Anggota Lembaga Pengarah b) Tugas dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Pengarah c) Senarai Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah tahun 2025	MAP 62 – MAP 88 MAP 90 – MAP 100 MAP 101 – MAP 103 MAP 104

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

	d) Senarai Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah tahun 2025	MAP 105 – MAP 108
	e) Laporan Mesyuarat, Perbincangan & Lawatan Rasmi Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2025	MAP 109
	f) Laporan Lawatan Rasmi Hartanah Milik Sekatarakyat oleh Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2025	MAP 110
	g) Laporan butiran perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak individu Lembaga Pengarah Sekatarakyat tahun 2025	MAP 111
	h) Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus / seminar / persidangan tahun 2025	MAP 112
	i) Perancangan Jangka Masa Hadapan Sekatarakyat	MAP 113 – MAP 114
	j) Polisi Integriti	MAP 115
	k) Laporan Komiti " <i>Environmental, Social & Governance</i> " (ESG)	MAP 116 – MAP 117
	l) Laporan Jawatankuasa Pencalonan	MAP 119
	m) Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko	MAP 121 – MAP 122
	n) Laporan Jawatankuasa Disiplin	MAP 124
	o) Laporan Jawatankuasa Pelaburan	MAP 126
	p) Laporan Jawatankuasa Imbuhan	MAP 128
	q) Laporan Jawatankuasa Syariah	MAP 130 – MAP 133
	2) Laporan Jawatankuasa Audit Dalam 2025	MAP 136 – MAP 141
	3) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun teraudit pada 31 Disember 2025	MAP 142

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

9	3	<p>Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit koperasi berdaftar dan subsidiari-subsidiari</p> <p>1) Pembentangan Bendahari Kehormat Sekatarakyat ke atas Penyata Kewangan Diaudit 31 Disember 2025</p> <p>2) Penyata Kewangan Teraudit 31 Disember 2025</p> <p>3) Laporan Juruaudit Koperasi</p>	<p>MAP 145 – MAP 154</p> <p>MAP 156 – MAP 221</p> <p>MAP 223 – MAP 227</p>
10	4	Memilih anggota-anggota Lembaga Pengarah	MAP 229
11	5	Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2026	MAP 231 – MAP 262
12	6	<p>Meluluskan elaun-elaun kepada Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya</p> <p>1) Cadangan Elaun Mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah</p> <p>2) Cadangan Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah</p> <p>3) Cadangan perbelanjaan Takaful Group Hospital & Surgical dan rawatan pesakit luar bagi Anggota Lembaga Pengarah</p> <p>4) Pemakluman Penutupan Syarikat Sekata Panacom Sdn Bhd</p>	<p>MAP 265 – MAP 267</p> <p>MAP 269 – MAP 271</p> <p>MAP 273 – MAP 278</p> <p>MAP 280 – MAP 284</p>
13	7	Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun atau lain-lain firma yang berkaitan	MAP 286
14	8	Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi	MAP 288 – MAP 289
15	9	Menentukan had maksimum keterhutangan koperasi	MAP 291 – MAP 292
16	11	Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan tahun kewangan 2025	MAP 296 – MAP 301

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

		Cadangan Pindaan Aturan Tabung Khairat & Tabung Kebajikan Anggota	MAP 303 – MAP 310
		Cadangan mewujudkan Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) Serta Aturan	MAP 312 – MAP 323
17	12	Mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus	
18	13	Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan	
19	14	Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Sekatarakyat	
20	15	Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan kepada Sekatarakyat, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan keputusan Lembaga Pengarah Sekatarakyat	
21	16	Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi pelantikan orang-orang yang kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman	MAP 329 – MAP 330
22	17	Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut peraturan-peraturan Laporan kursus luar negara bagi Lembaga Pengarah (Tiada)	

PERUTUSAN

PERUTUSAN



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) atas kejayaan menganjurkan Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) bagi Tahun 2026. Kejayaan ini bukan sekadar pencapaian tadbir urus, malah mencerminkan kematangan institusi koperasi yang berteraskan integriti, akauntabiliti dan pematuhan kawal selia yang berterusan.

Sekatarakyat telah membuktikan keupayaannya sebagai sebuah koperasi berprestasi tinggi yang bukan sahaja patuh kepada kerangka perundangan, malah berkeupayaan mentransformasikan tadbir urus yang kukuh sebagai pemacu kepada pertumbuhan mampan dan nilai jangka panjang kepada anggotanya.

Penerbitan Buku Laporan Tahunan serta penganjuran MAP Kali ke-30 bagi Tahun 2026 mencerminkan komitmen Sekatarakyat terhadap prinsip ketelusan, pelaporan berintegriti dan kebertanggungjawaban strategik kepada anggota serta pihak berkepentingan, selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat.

Buku Laporan Tahunan 2025 ini merakamkan perjalanan dan pencapaian Sekatarakyat sempena 51 tahun penubuhannya, sekali gus menjadi manifestasi keupayaan koperasi ini untuk mengekalkan prestasi mampan dalam persekitaran ekonomi yang semakin kompleks dan mencabar, melalui pengurusan risiko yang berkesan serta pematuhan kawal selia yang konsisten.

Selaras dengan aspirasi nasional dan saranan YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, sektor koperasi diangkat sebagai antara pemacu penting pertumbuhan sosioekonomi rakyat dan pengagihan kemakmuran yang lebih inklusif. Aspirasi ini diterjemahkan melalui Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030, yang memberi penekanan kepada pembinaan koperasi berprestasi tinggi, berdaya tahan serta berupaya menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

Dalam konteks ini, Sekatarakyat dilihat semakin progresif dalam memperkasa modal insan, mengukuhkan pengurusan kewangan serta memanfaatkan teknologi secara strategik dan berhemah bagi meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi anggota, tanpa menjejaskan prinsip pematuhan terhadap Akta, Peraturan dan Garis Panduan Koperasi.

Pencapaian Sekatarakyat dalam mengekalkan kedudukan ke-7 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Tahun 2025 membuktikan keupayaan Sekatarakyat mengimbangi


KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

tuntutan pematuhan kawal selia dengan prestasi perniagaan yang mampan, berdaya saing dan berorientasikan masa hadapan.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan terus memainkan peranan strategik sebagai badan kawal selia melalui pendekatan pemantauan berasaskan risiko, bimbingan berterusan dan penguatkuasaan berkesan bagi memastikan Sekatarakyat kekal patuh, berdaya tahan serta terus menyumbang secara signifikan kepada agenda pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Saya yakin Sekatarakyat akan terus memperkukuh kedudukannya sebagai penanda aras koperasi berprestasi tinggi, yang mengamalkan tadbir urus terbaik serta mematuhi prinsip kawal selia secara menyeluruh, bukan sahaja di peringkat nasional malah berpotensi untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Selamat Maju Jaya.



NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

PERUTUSAN



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun bagi menyempurnakan Mesyuarat Agung Perwakilan Sekatarakyat Kali Ke-30.

Penganjuran mesyuarat ini adalah selaras dengan keperluan di bawah Seksyen 39 Akta Koperasi, yang menetapkan agar setiap koperasi mengadakan mesyuarat agung tahunan selepas berakhirnya tahun kewangan.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada barisan Anggota Lembaga Pengarah (ALP) dan seluruh warga kerja Sekatarakyat atas dedikasi serta komitmen tinggi dalam memastikan kelancaran pelaksanaan mesyuarat ini. Saya percaya bahawa pencapaian serta prestasi memberangsangkan yang ditunjukkan Sekatarakyat setakat ini akan dapat diteruskan, malah dipertingkatkan lagi pada masa akan datang melalui tadbir urus yang berintegriti dan berkesan.

Dalam suasana ekonomi yang semakin mencabar, setiap koperasi di Malaysia perlu sentiasa berinovasi dan mencari pendekatan baharu bagi meningkatkan pendapatan dan daya saing jangka panjang. Justeru, usaha menjalin kerjasama strategik antara koperasi serta pengukuhan hubungan bersama pemegang taruh amat penting untuk memperluas rangkaian perniagaan ke peringkat yang lebih besar dan berimpak tinggi.

Inisiatif sebegini bukan sahaja dapat menjamin keuntungan koperasi secara berterusan, malah memberikan manfaat dan pulangan bermakna kepada para anggota.

Sebagai salah seorang pendukung gerakan koperasi di Malaysia, saya sentiasa komited menyokong segala usaha-usaha yang telah digerakkan Sekatarakyat dalam mempertingkatkan kepentingan ekonomi anggotanya selaras dengan matlamat yang digariskan dalam Undang-Undang Kecil.


Usaha ini merangkumi penyediaan dasar yang kondusif, memperluas peluang pembiayaan, memperkasa latihan dan pembangunan kapasiti, serta menjalin kerjasama strategik dengan koperasi atau agensi berkaitan demi memastikan koperasi mampu menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi anggota seterusnya ekonomi Malaysia.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Sekatarakyat atas kesudian memberikan ruang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam Laporan Mesyuarat Agung Perwakilan ini.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Semoga mesyuarat ini berjalan lancar dan menjadi wadah penting bagi merangka masa depan Sekatarakyat yang lebih cemerlang dan progresif.

Sekian, terima kasih.



DATUK MOHD IRWAN MOHD MUBARAK

Pengerusi
Bank Rakyat

PERUTUSAN



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamu'alaikum wbt,

Segala puji bagi Allah SWT yang menguasai alam semesta serta selawat dan salam kepada junjungan Rasulullah SAW. Bersyukurlah kita kepada-Nya kerana diberikan taufik dan inayah bagi menjalankan tugas yang diamanahkan.

Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan kehadiran semua Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) Kali Ke-30 yang diadakan di Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 3, Menara 1, MKBR. Kehadiran semua Perwakilan dari seluruh negara ini menunjukkan sikap tanggungjawab Perwakilan atas

amanah yang telah diterima daripada anggota-anggota kawasan masing-masing.

Budaya integriti sangat dituntut untuk mengurus tadbir koperasi dengan efektif agar matlamat penubuhan Sekatarakyat, iaitu "meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut Prinsip Koperasi", dapat digapai.

Bagi memelihara kepentingan dan kebajikan semua Anggota, Sekatarakyat akan terus berusaha mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Justeru, saya bertekad dan menyeru rakan-rakan di barisan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Warga Kerja sekalian untuk terus menjalankan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab, amanah dan jujur dengan meletakkan kepentingan anggota-anggotanya melebihi kepentingan peribadi.


Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran atas limpah kurnia Allah S.W.T bagi kejayaan yang telah dikecapi oleh Sekatarakyat di sepanjang tahun 2025 dan yang sebelumnya.

Saya mengucapkan tahniah kepada barisan Anggota Lembaga Pengarah, Anggota-Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman, Anggota-Anggota Jawatankuasa Syariah, Anggota Jawatankuasa Kecil Wawasan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Disiplin, Jawatankuasa Imbuan, Para Perwakilan dan tidak lupa juga kepada Pengurusan dan seluruh warga kerja Sekatarakyat atas sumbangan cemerlang yang diberikan.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan. Saya berdoa semoga mesyuarat ini berjalan dengan penuh tertib dan teratur serta mendapat taufik dan barakah dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.



DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN

Pengerusi
Sekatarakyat

**GARIS PANDUAN ETIKA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN OLEH
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)**

ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. Perhimpunan

Anggota-anggota koperasi hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan seperti mana dalam notis mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil.

4. Agenda Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

5. Kuorum

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

6. Minit Mesyuarat Agung yang lalu

Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibenteng untuk pengesahan. Selain dari pembedulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. Setiausaha Mesyuarat

Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit Mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

8. Hak-hak Anggota

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

(a) Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentengkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan".

- (b) Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

10. Tertib Bercakap

- (a) Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat.
- (b) Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.
- (c) Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali –
 - (i) jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau

- (ii) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.

- (e) Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.

- (f) Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi **tiga (3) minit**, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi **dua (2) minit**.

12. Isi-isi Ucapan

- (a) Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.
- (b) Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.
- (c) Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain.
- (e) Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- (f) Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan —
 - (i) perkatan-perkataan derhaka kepada negeri;
 - (ii) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah, dan

- (iii) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.

- (g) Jika pada pendapat Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul (Motion)

- (a) Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.

- (b) Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.

- (c) Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi

sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum mesyuarat agung diadakan.

- (d) Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.
- (e) Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung, Pengerusi, apabila tiba masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

- (a) Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.
- (b) Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

17. Hak Menjawab

(a) Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.

(b) Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

18. Usul Tergempar

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

19. Pengundian

(a) Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi pemutus.

- (b) Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya.

20. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa mesyuarat sedang berjalan —

- (i) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;
- (ii) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;
- (iii) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas; dan
- (iv) Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- (a) Bila anggota-anggota ditegur oleh pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa

perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbang semula.

- (c) Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan dia berhenti bercakap.
- (d) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.
- (e) Anggota yang diperintahkan keluar menurut perenggan 21(d), dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.
- (f) Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.
- (g) Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "Natural Justice" hendaklah terpakai.
- (h) Pengerusi hendaklah menasihatkan anggota yang hadir dalam mesyuarat supaya sentiasa berada di dalam dewan mesyuarat sepanjang mesyuarat diadakan bagi memastikan kuorum mesyuarat adalah mencukupi pada setiap masa.

- (i) Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

**NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE TIGA PULUH
(KE-30)**

SEKATARAKYAT

KKBR / Notis / MAP / Kali Ke-30 - 2026

12 Januari 2026

Kepada :

ANGGOTA-ANGGOTA PERWAKILAN SEKATARAKYAT

Assalamualaikum wbt,
Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE TIGA PULUH
(MESYUARAT AGUNG KALI KE EMPAT PULUH TIGA)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan, **Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) Kali Ke Tiga Puluh (Ke-30)** akan diadakan pada seperti butiran yang berikut :-

Tarikh : 14 Februari 2026 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Balai Tan Sri Sheikh Ahmad
Tingkat 3, Menara 1, MKBR
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

AGENDA MESYUARAT

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang terdahulu dan mana-mana Mesyuarat Agung Khas yang berselang.
2. Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga koperasi.
3. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit koperasi berdaftar dan subsidiari-subsidiari, jika ada, bersama dengan laporan juruaudit.
4. Memilih Anggota-Anggota Lembaga.
5. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2026.
6. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah Subsidiari atau subsidiari-subsidiari koperasi itu jika ada.
7. Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) firma audit untuk mengaudit akaun-akaun.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (4958)

Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-22733314, 22733315
Bah. Insuran: 03-22733609 No. Faks: 03-22741314 E-mail: sekata@sekatarakyat.com.my

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi.
9. Menetapkan had maksimum keterhutangan koperasi.
10. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota atau perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan.
11. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan.
12. Mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus.
13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan.
14. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi.
15. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan kepada koperasi berdaftar itu, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga.
16. Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi pelantikan Orang-Orang Kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman.
17. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Peraturan-Peraturan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Bp : **KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**



.....
HASRUL LIZA SHAH RUDIN

Setiausaha Kehormat

mhb/neag/army/hlsr

NOTA :

Sekiranya tuan / puan mempunyai sebarang usul yang hendak dikemukakan bagi kelulusan Mesyuarat Agung, sila kemukakan dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan secara emel atau faks kepada Sekatarakyat seperti butiran yang berikut :-

Emel	:	rozaman@sekatarakyat.com.my / (Ahmad Rozaman Mohd Yusoff)
	:	elina@sekatarakyat.com.my / (Nor Elina Ab Ghani)
	:	faizul@sekatarakyat.com.my / (Mohammad Faizul Md Yunus)
	:	hafiz@sekatarakyat.com.my / (Mohd Hafiz Bukhari)
	:	shahifudin@sekatarakyat.com.my / (Shahifudin Saufi)
	:	amirah.jaafar@sekatarakyat.com.my / (Noor Amirah Ja'afar)
	:	karimah@sekatarakyat.com.my / (Karimah Ali)
	:	sekata@sekatarakyat.com.my / (Emel Rasmi)
No. Telefon	:	03-2273 3314 / 03-2273 3315 / 03-2273 3609
No. Faks	:	03-2274 1314

PERKARA 1

**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA
PULUH SEMBILAN (KE-29) PADA 22 FEBRUARI 2025**



KKBR / Pengesahan Minit MAP Ke-29 / SKM WP – 2025

21 Mac 2025

Tuan Haji Fadilah Salim
Pengarah

Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan
Aras 1, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur



Assalamualaikum wbt,
Tuan Haji,

PENYERAHAN PENGESAHAN & MINIT MAP KALI KE-29/2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Seperti yang sedia maklum, **Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat)** telah mengadakan **Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-29** pada **22 Februari 2025 (Sabtu)** yang lalu di **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 2A, Menara 2, MKBR, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur**.

Bersama ini, disertakan **Minit MAP Kali Ke-29/2025** yang telah disahkan oleh Anggota Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit MAP Sekatarakyat Kali Ke-29 untuk makluman dan perhatian Tuan Haji selanjutnya.

Untuk makluman, **Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit MAP Sekatarakyat Kali Ke-29/2024** terdiri daripada :-

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	JAWATAN	NO. KAWASAN
1	Datuk Mohamed Arsad Sehan	530	Pengerusi	ALP
2	Hasrul Liza Shah Rudin	1291	Setiausaha Kehormat	ALP
3	Dato' Mustafha Abd Razak	2203	Bendahari Kehormat	ALP
4	Mohd Salleh Mahmood	2016	Anggota Lembaga Pengarah	ALP
5	Nor Laily Nor Anuar	1756	Anggota Perwakilan	1
6	Haniza Ibrahim	2002	Anggota Perwakilan	1
7	Suhaimi Omar	2023	Anggota Perwakilan	1
8	Suhaimi Che Omar	2192	Anggota Perwakilan	1
9	Mohamad Rosli Md Ali	4108	Anggota Perwakilan	1
10	Zakaria Abdul Majid	1236	Pengerusi Mesyuarat	16

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (4958)
Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.
03-2273 3315, 2273 5024, 2273 8710
sekata@sekatarakyat.com.my


KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Sekiranya Tuan Haji mempunyai sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung dengan **Encik Mohd Hafiz Bukhari (Eksekutif)** di talian **012-3591404** untuk keterangan lebih lanjut.

Kerjasama dan perhatian Tuan Haji amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


.....
AHMAD ROZAMAN MOHD YUSOFF
Pengurus Besar
mhb/neag/army

S.k : *Anis Syahira Azhar*
Penolong Pengarah – Nasional F, SKM WP

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

SEKATARAKYAT

KKBR / MenentusahkanMinitMAPKe-29 – 2025

Tarikh :

Pengurus Besar
Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad
Sekatarakyat
Tingkat 2A, Menara 2
Menara Kembar Bank Rakyat Berhad
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur



Assalamualaikum wbt,
Tuan,

MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN SEKATARAKYAT KE-29 PADA 22 FEBRUARI 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman, kami telah meneliti deraf **Minit Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Sekatarakyat Ke-29** yang telah diadakan pada **22 Februari 2025 (Sabtu)** di **Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 3, Menara 1, MKBR, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur.**

Sehubungan dengan itu, kami mengesahkan bahawa deraf minit tersebut adalah bertepatan dengan perkara-perkara yang telah dibincangkan dan diputuskan dalam MAP Ke-28 yang lalu.

BIL	NO. ANGGOTA	KAWASAN	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1	530	ALP	Datuk Mohamed Arsad Sehan	Pengerusi	
2	1291	ALP	Hasrul Liza Shah Rudin	Setiausaha Kehormat	
3	2203	ALP	Dato' Mustafha Abd Razak	Bendahari Kehormat	
4	2016	ALP	Mohd Salleh Mahmood	Anggota Lembaga Pengarah	
5	1756	I	Nor Laily Nor Anuar	Anggota Perwakilan	
6	2002	I	Haniza Ibrahim	Anggota Perwakilan	
7	2023	I	Suhaimi Omar	Anggota Perwakilan	

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

8	2192	1	Suhaimi Che Omar	Anggota Perwakilan	
9	4108	1	Mohamad Rosli Md Ali	Anggota Perwakilan	
10	1236	16	Zakaria Abdul Majid	Pengerusi Mesyuarat	

Sekian, terima kasih.

Nota

- ✓ Kawasan :
- ALP : Anggota Lembaga Pengarah
 - 1 : Ibu Pejabat, Menara 1, MKBR
 - 16 : Banting

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT (4958)

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-29/2025

- Tarikh** : 22 Februari 2025 (Sabtu)
- Tempat** : Balai Tan Sri Sheikh Ahmad
Tingkat 3, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33, Jalan Rakyat
50470 Kuala Lumpur
- Masa** : 10.50 – 11.43 pagi
- Kehadiran** : 160 orang Anggota Perwakilan
(Lampiran 1)
- Turut Hadir** : Jawatankuasa Audit Dalaman
Jawatankuasa Syariah
Barisan Pengurusan
(Lampiran 2)



PERMULAAN MESYUARAT

Pelantikan Pengerusi Mesyuarat dan Pencatat Minit

Sebelum mesyuarat dimulakan, Datuk Mohamed Arsad Sehan (530) selaku Pengerusi Sekatarakyat mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan memaklumkan kehadiran adalah mencukupi korum untuk meneruskan MAP 2025 dan seterusnya memperkenalkan barisan Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah dan barisan pengurusan Sekatarakyat.

Pengerusi Sekatarakyat juga memaklumkan bahawa beliau akan diwakili oleh Bendahari Kehormat Sekatarakya, Dato' Mustafha Abd. Razak (2203) semasa mesyuarat berjalan memandangkan beliau berasa kurang sihat. Walau bagaimanapun, beliau akan terus berada di meja mesyuarat.

Bagi melancarkan perjalanan mesyuarat, Pengerusi Sekatarakyat meminta perwakilan yang hadir untuk mencadangkan dan menyokong seorang perwakilan untuk menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-29. Tn. Hj. Mohamad Thuairi Mohamad Tayeb (2167) dari Kawasan 71 telah mencadangkan Tn. Hj. Zakaria Abdul Majid (1236) dari Kawasan 1 & dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat pada kali ini dan cadangan disokong oleh En. Abdul Halim Hasan (4241) dari Kawasan 1. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju mengekalkan Pengurus Sekatarakyat, Pn. Nor Elina Ab Ghani sebagai pencatat minit.

Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad Sehan seterusnya menjemput Tn. Hj. Zakaria Abdul Majid (1236) untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-29.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT ⁽⁴⁹⁵⁸⁾

Tn. Hj. Zakaria Abdul Majid (1236) dari Kawasan 16 mengucapkan terima kasih atas pelantikan tersebut dan menyatakan akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan memohon agar semua perwakilan dapat memberikan kerjasama dari mula hingga mesyuarat selesai dengan penuh tertib dan bertanggungjawab.

- PERKARA 1.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-28**
- 1.1 Bendahari Kehormat Sekatarakyat, Dato' Mustafha Abd. Razak membentangkan minit mesyuarat agung perwakilan yang lalu yang terdapat dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP28 hingga MAP52. Minit tersebut telah ditentukan oleh jawatankuasa yang telah dilantik oleh mesyuarat agung perwakilan yang lalu.
- 1.2 Tn. Hj. Najib Fahmy Hamzah (109) dari Kawasan 3 mencadangkan minit mesyuarat agung perwakilan kali ke-28 diterima dan disahkan. En. Mohd Firdaus Abdul Rahman (4525) dari Kawasan 6 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.
- PERKARA 2.0 MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN & SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN-AKAUN TERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI**
- 2.1 Bendahari Kehormat Sekatarakyat membentangkan laporan Lembaga Pengarah bagi tahun 2024 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2024 seperti yang tertera dalam buku laporan tahunan di muka surat MAP56 hingga MAP148. Bendahari Kehormat Sekatarakyat turut memaklumkan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit 2024 yang diperolehi pada 21 Februari 2025 dan telah diemelkan kepada para perwakilan pada hari yang sama.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT (4958)

BIL	PERKARA	KANDUNGAN	MUKA SURAT
B	2	Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit dan Lembaga Koperasi	
		1) Laporan Lembaga Pengarah	MAP 55 – MAP 52
		a) Profil Anggota Lembaga Pengarah	MAP 54 – MAP 54
		b) Tugas dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Pengarah	MAP 55 – MAP 57
		c) Senarai Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah Tahun 2024	MAP 98
		d) Senarai Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah Tahun 2024	MAP 99 – MAP 102
		e) Laporan Mesyuarat, Perbincangan & Lawatan Rasmi Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2024	MAP 103
		f) Laporan Lawatan Rasmi Hartanah Milik Sekatarakyat oleh Anggota Lembaga Pengarah Sepanjang Tahun 2024	MAP 104
		g) Laporan buletin perbelanjaan lembaga dan bayaran kepada pihak individu Lembaga Pengarah Sekatarakyat Tahun 2024	MAP 105
		h) Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus / seminar / persidangan Tahun 2024	MAP 106 – MAP 107
		i) Perancangan Jangka Masa Hadapan Sekatarakyat	MAP 108 – MAP 109
		j) Polisi Integriti	MAP 110
		k) Laporan Komiti "Environment, Social & Governance" (ESG)	MAP 111 – MAP 112
		l) Laporan Jawatankuasa Pencalonan	MAP 114
		m) Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko	MAP 116 – MAP 118
		n) Laporan Jawatankuasa Disiplin	MAP 120
		o) Laporan Jawatankuasa Pelaburan	MAP 122 – MAP 123
		p) Laporan Jawatankuasa Imbuhan	MAP 125 – MAP 126
		q) Laporan Jawatankuasa Syarah	MAP 128 – MAP 131
		2) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2024	MAP 134 – MAP 138
		3) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun teraudit pada 31 Disember 2024	MAP 140 – MAP 148

- 2.2 Pn. Hajah Siti Zalina Sopar (137) dari Kawasan 3 mencadangkan Perkara 2 seperti yang terdapat dalam buku laporan mesyuarat diterima dan cadangan beliau disokong oleh En. Mohd Firdaus Abdul Rahman (4525) dari Kawasan 6. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

PERKARA 3.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERDAFTAR DAN SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA, IKA ADA, BERSAMA-SAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT

- 3.1 Bendahari Keharमत Sekatarakyat memberikan penerangan lanjut tentang akaun-akaun teraudit bagi tahun 2024 dan Laporan Juruaudit Koperasi yang telah diaudit oleh juruaudit luar iaitu Tetuan Jamal Amin & Partners seperti yang dinyatakan di muka surat MAP151 hingga MAP221 untuk diluluskan oleh mesyuarat seperti rumusan yang berikut:-

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT (4958)

a) Penyata Pendapatan – Rumusan

PENYATA PENDAPATAN - RUMUSAN



PERKARA/TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	Beza Tahun 2024 vs 2023
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Pendapatan	50.41	60.83	79.32	110.24	133.47	↑ 23.23
Kos Jualan	26.32	23.66	32.41	55.53	62.65	↑ 7.12
Keuntungan Kasar	34.09	37.17	46.91	54.71	70.82	↑ 16.11
Perbelanjaan Am	12.22	10.62	10.88	11.45	15.47	↑ 4.02
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan	6.14	6.81	9.21	11.85	12.04	↑ 0.19
Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai	19.36	23.28	26.82	31.41	43.31	↑ 11.90
Keuntungan Deposit Anggota			18.77	-0.34		0.34
Hibah Deposit Anggota			2.63			0.00
Ibra'	3.63	3.54	3.71	3.72	2.98	↓ -0.74
Keuntungan yang boleh dibahagikan	15.73	19.74	1.71	28.03	40.33	↑ 26.32


b) Penyata Kedudukan Kewangan – Aset

2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN - ASET



PERKARA/TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	Beza Tahun 2024 vs 2023
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Pembiayaan Anggota	349.1	326.3	348.3	392.7	476.5	↑ 83.8
Pembiayaan Ar-Rahnu	163.4	203.3	298.9	372.0	569.1	↑ 197.1
Aset Lain	102.4	127.4	429.6	475.8	550.1	↑ 74.3
JUMLAH	614.9	657.2	1,076.8	1,240.5	1,595.7	↑ 355.2

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
SEKATARAKYAT (4958)



c) Penyata Kedudukan Kewangan – Kumpulan Wang Anggota & Liabiliti

2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN - KUMPULAN WANG ANGGOTA & LIABILITI



KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT (4958)

d) Penyata Pembahagian Keuntungan – Keuntungan Yang Boleh Dibahagikan

3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIBAHAGIKAN



PERKARA/TAHUN	2020 RMJUTA	2021 RMJUTA	2022 RMJUTA	2023 RMJUTA	2024 RMJUTA
Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai	19.41	23.28	26.82	31.42	43.30
Keuntungan Deposit Anggota			18.77	(0.33)	
Hibah Deposit Anggota Ibra'	3.43	3.54	3.71	3.72	2.97
Keuntungan yang boleh dibahagikan	15.78	19.74	1.71	28.03	40.33
Pembahagian berkanun	1.26	1.58	0.26	3.64	5.24
Dividen anggota	11.86	15.78	21.75	22.48	32.91
Honararium Lembaga Pengarah	0.3	-	-	-	0.09
Tabung Khairat anggota	0.27	0.35	0.01	0.47	0.70
Tabung persaraan kakitangan	-	0.35	0.25	0.25	0.32
Peruntukan cukai tahun semasa	0.18	0.60	-	0.70	-
Peruntukan zakat tahun semasa	0.15	0.13	0.24	0.11	0.30
Jumlah Pembahagian	18.18	22.33	26.22	31.37	42.53
% Pembahagian Keuntungan	93.61%	95.92%	97.76%	99.84%	98.22%

e) Akaun Pembahagian Keuntungan – Pulangan Kepada Anggota

3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - PULANGAN KEPADA ANGGOTA



TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Keuntungan Deposit Anggota			18.78		
Hibah Deposit Anggota			2.63		
Tabung Khairat Anggota	.27	.35	.01	.47	.70
Peruntukan Hari Raya Ibra'	.80	.84	.86	1.47	1.22
Peruntukan Dividen	3.63	3.54	3.71	3.72	2.98
Jumlah Peruntukan kepada Anggota	16.51	20.51	26.34	26.35	37.80
Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai	19.36	23.28	26.82	31.42	43.30
Peratusan Jumlah Peruntukan Kepada Anggota	85%	88%	98%	80%	87%

* Ibra' dicampur balik kepada keuntungan sebelum cukai

Nota:-

Baki tabung

Tabung Khairat Anggota	1,636,829	1,722,466	1,565,378	1,885,119	2,308,317
Tabung Saghati Pendidikan Lanjutan	1,152,113	2,059,613	2,013,613	1,977,813	1,855,313

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT (4958)

f) Akaun Pembahagian Keuntungan – Cadangan Dividen Modal Yuran & Syer

3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - CADANGAN DIVIDEN MODAL YURAN & SYER



3.3 Tn. Hj. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan akaun-akaun peraudit Sekatarakyat bersama-sama dengan laporan juruaudit diluluskan dan cadangan beliau disokong oleh En. Azrul Azyan [4238] dari Kawasan 83. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

PERKARA 4.0 MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA

4.1 Bendahari Kehormat Sekatarakyat memaklumkan, SKM telah menentusahkan 4 orang calon yang berikut sebagai "layak dan sesuai" untuk dilantik atau dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat :-

BIL	NAMA CALON SAH	NO ANGGOTA	KAWASAN
1	ABDUL LIDZAM MUHAMMAD ALIAS	1138	Lembaga Pengarah
2	MOHD KHUZAINI AB GHANI	1815	Lembaga Pengarah
3	SUHAIMI CHE OMAR	2192	1
4	ZAKARIA ABDUL MAJID	1236	16

4.2 Bendahari Kehormat Sekatarakyat turut memperkenalkan kesemua calon dan memohon para perwakilan untuk memilih tidak lebih daripada 3 orang calon dengan menandakan pada kotak yang disediakan pada kertas undi. Para perwakilan diberikan tempoh selama 10 minit bagi tujuan tersebut.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT ⁽⁴⁹⁵⁸⁾

4.3 Seramai 157 orang perwakilan bersamaan dengan 98% daripada jumlah perwakilan yang hadir telah mengundi dengan keputusan undian seperti yang berikut :-

a) Zakaria Abdul Majid	(1236) - 157 undian
b) Mohd Khuzaini Ab Ghani	(1815) - 124 undian
c) Suhaimi Che Omar	(2192) - 118 undian
d) Abdul Lidzar Muhamad Alias	(1138) - 68 undian

4.4 Keputusan undian disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam iaitu Tn. Hj. Nazarudin Zainal Abidin yang dibantu oleh En. Ismarazi Ismail selaku Anggota Jawatankuasa Audit Dalam.

4.5 Tiga orang Anggota Lembaga Pengarah yang terpilih dan dilantik/dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut :-

a) Zakaria Abdul Majid	(1236)
b) Mohd Khuzaini Ab Ghani	(1815)
c) Suhaimi Che Omar	(2192)

4.6 Pengerusi Mesyuarat mengucapkan tahniah kepada calon-calon yang dilantik/dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.

PERKARA 5.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

5.1 Bendahari Kehormat Sekatarakyat membentangkan dan memberikan penerangan berkenaan belanjawan bagi tahun kewangan 2025 seperti yang terdapat dalam buku laporan dari muka surat MAP225 hingga MAP248 dengan rumusan seperti yang berikut:-



KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT (4958)

- 5.2 En. Mohamad Rosli Md Ali (4108) dari Kawasan 1 mencadangkan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan 2025 diluluskan. Pn. Hajah Noorrahman Hassan (4335) dari Kawasan 3 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.
- PERKARA 6.0 MELULUSKAN E.AUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN, JAWATANKUASA SYARIAH DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI ITU, JIEA ADA**
- 6.1 Bendahari Kehormat Sekatarakyat memaklumkan kepada mesyuarat, bahawa Lembaga Pengarah memohon kelulusan mesyuarat agung perwakilan bagi 5 cadangan seperti yang dibentangkan dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP250 sehingga MAP248 seperti yang berikut :-
- a) Cadangan Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah
- Cadangan bayaran elaun mesyuarat pada kadar RM200.00seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM1,000.00 seorang sebulan kepada sembilan (9) orang Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2025.
- Tn. Hj. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan cadangan bayaran elaun mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah diluluskan. En. Mohamad Zaini Che Ros (2911) dari Kawasan 147 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.
- b) Cadangan Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah
- Cadangan jumlah bayaran elaun tetap dikekalkan kepada RM1,500.00 sebulan bagi seorang Anggota Lembaga Pengarah bagi tahun 2025.
- En. Khairul Na'im Aripin @ Arifin (5707) dari Kawasan 2 mencadangkan cadangan elaun tetap Anggota Lembaga Pengarah diluluskan. En. Muhammad Syamim Shaharudin (3536) dari Kawasan 41 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.
- c) Cadangan Elaun Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman
- Cadangan bayaran elaun Jawatankuasa Audit Dalaman dikekalkan iaitu sebanyak RM1,100.00 seorang bagi setiap

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT ⁽⁴⁹⁵⁸⁾

kali tugas pengauditan tertakluk kepada jumlah maksimum RM4,400.00 seorang setahun.

En. Zulkefli Abdul Wahab (2173) dari Kawasan 37 mencadangkan cadangan bayaran elaun Jawatankuasa Audit Dalaman diluluskan. En. Mohd Firdaus Abdul Rahman (4525) dari Kawasan 6 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

d) Cadangan Elaun Anggota Jawatankuasa Syariah

Cadangan bayaran elaun Jawatankuasa Syariah dikekalkan iaitu sebanyak RM1,100.00 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan tertakluk kepada jumlah maksimum RM4,400.00 seorang setahun.

Pn. Hajah Anoor Faridah Ngah (718) dari Kawasan 3 mencadangkan cadangan bayaran elaun Jawatankuasa Syariah diluluskan. Pn. Hajah Rusngaton Hassan (257) dari Kawasan 3 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

e) Cadangan Perbelanjaan Takaful Group Hospital & Surgical Dan Rawatan Pesakit Luar Bagi Anggota Lembaga Pengarah

Cadangan kemudahan berkenaan Takaful Group Hospital & Surgical dan rawatan pesakit luar melibatkan perbelanjaan tidak melebihi RM31,328.00 setahun bagi tujuh orang anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat yang telah dan akan bersara daripada perkhidmatan Bank Rakyat dan tiada skim perlindungan.

En. Fairuz Zaharuddin (4841) dari Kawasan 140 mencadangkan cadangan perbelanjaan Takaful Group Hospital & Surgical Dan Rawatan Pesakit Luar Bagi Anggota Lembaga Pengarah diluluskan. Pn. Hajah Siti Zaliha Sopar (137) dari Kawasan 3 menyokong cadangan tersebut. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

PERKARA	7.0	MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN
	7.1	Bendahari Kehormat Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah supaya Mesyuarat memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk melantik satu panel untuk mengaudit

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD SEKATARAKYAT ⁽⁴⁹⁵⁸⁾

akaun-akaun Sekatarakyat bagi tahun 2025 seperti yang dicadangkan di muka surat MAP270.

- a. Bertanggungjawab memastikan terdapat dasar pengurusan risiko yang komprehensif dan berkesan serta proses dan infrastruktur untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko yang terlibat dengan lebih berkesan.
- b. Mengkaji dan menyarankan strategi pengurusan risiko, dasar dan toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- c. Mengkaji dan menyarankan kecukupan dasar pengurusan risiko dan rangka kerja dalam mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko dan sejauh mana keberkesanan dasar dan rangka kerja tersebut beroperasi.
- d. Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem dibangunkan untuk pengurusan risiko serta mewujudkan proses dan amalan pengurusan risiko yang bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan mahupun yang akan dilaksanakan.
- e. Menganalisa dan membuat penyemakan yang berterusan terhadap pendekatan pengurusan risiko yang sedang dilaksanakan serta mengkaji sama ada pendekatan yang mantap dan berkesan telah diikuti dalam membangunkan pelan pengurusan risiko yang strategik bagi projek-projek utama.
- f. Dengan memberi input kepada Sekatarakyat mengenai risiko yang mungkin supaya Sekatarakyat dapat meminimumkan risiko tersebut.
- g. Mengkaji laporan pengurusan berkala ke atas pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko serta mengemukakan cadangan balas kepada Lembaga Pengarah untuk tindakan susulan.
- h. Mengkaji dan menyarankan strategi peningkatan reputasi dan imej koperasi.

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2025/2026 adalah seperti yang berikut :-
 - a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Pertama/2025
Tarikh : 30 April 2025 (Rabu)
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Ke-2 /2025
Tarikh : 11 Jun 2025 (Rabu)
 - c. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Ke-3 /2025
Tarikh : 17 September 2025 (Rabu)
 - d. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Ke-4 /2025
Tarikh : 10 November 2025 (Isnin)
 - e. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kali Ke-5 /2025
Tarikh : 23 Disember 2025 (Selasa)

4. Hasil semakan dan perbincangan bagi sesi 2025 / 2026 adalah seperti yang berikut:-
 - a. Kami telah meneliti dan menetapkan risiko setiap unit perniagaan yang telah dijalankan di Sekatarakyat.
 - b. Selain itu, kami telah meneliti dan menetapkan tahap risiko bagi projek pelaburan yang akan diceburi oleh sekatarakyat.
 - c. Kami juga telah meneliti dan menambahbaik Laporan Penilaian Risiko daripada pengurusan berdasarkan pandangan / komen Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko.
 - d. Jawatankuasa juga memberikan cadangan bagi penyediaan risiko keseluruhan Sekatarakyat berdasarkan Analisa Penyata Kedudukan Kewangan.
 - e. Jawatankuasa juga menetapkan kaedah bagi Analisa risiko keseluruhan Sekatarakyat adalah berbeza daripada Analisa risiko unit perniagaan.
 - f. Laporan dan minit mesyuarat Komiti Kecil dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko.
 - g. Jawatankuasa juga membincangkan tahap risiko bagi unit-unit perniagaan Sekatarakyat iaitu unit Taska Qaseh Nuri dan Unit Ar-Rahnu.
 - h. Secara rumusan, tahap risiko bagi setiap aktiviti perniagaan dan projek pelaburan yang diceburi oleh Sekatarakyat berada di tahap yang rendah.

**LAPORAN JAWATANKUASA
DISIPLIN SEKATARAKYAT
SESI 2025/2026**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JAWATANKUASA DISIPLIN

1. Jawatankuasa Disiplin Sekatarakyat bagi sesi 2025/2026 dianggotai seramai tiga (3) orang iaitu :-
 - a) Puan Hajah Hasrul Liza Shah Rudin - Pengerusi
 - b) Tuan Haji Mohd Salleh Mahmood - Anggota Jawatankuasa
 - c) Tuan Haji Saliman Zainal - Anggota Jawatankuasa

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Disiplin
 - a) Memastikan perkara-perkara berkaitan dengan disiplin calon Anggota Lembaga Pengarah dalam tempoh pencalonan sehingga hari pengundian mengikut kehendak perundangan koperasi.
 - b) Menerima, mengkaji, mendengar dan memutuskan aduan-aduan terhadap calon Anggota Lembaga Pengarah.
 - c) Mewakulkan apa-apa tanggungjawab dan tugasnya kepada mana-mana orang yang difikirkan perlu tertakluk kepada terma dan syarat atau sekatan yang ditentukan.
 - d) Bertanggungjawab terhadap disiplin warga kerja dan menentukan jenis tindakan yang akan diambil terhadap kakitangan.

3. Tiada mesyuarat dijalankan sepanjang tahun 2025/2026.

4. Hasil semakan dan perbandingan mendapati tiada perkara baharu atau berbangkit daripada jawatankuasa.

**LAPORAN JAWATANKUASA
PELABURAN
SEKATARAKYAT SESI
2025/2026**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JAWATANKUASA PELABURAN

1. Jawatankuasa Pelaburan Sekatarakyat bagi sesi 2025/2026 dianggotai seramai lima orang iaitu :-
 - a) Dato' Mustafha Abd Razak - Pengerusi
 - b) Tn. Hj Mohd Khuzaini Ab Ghani - Anggota Jawatankuasa
 - c) En. Zakaria Abdul Majid - Anggota Jawatankuasa
 - d) En. Ahmad Rozaman Mohd Yusoff - Anggota Jawatankuasa
 - e) Tn. Hj. Mohd Shaifuddin Abdullah - Anggota Jawatankuasa

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan
 - a) Memilih strategi bersesuaian untuk mencapai prestasi yang baik menurut dasar pelaburan.
 - b) Memastikan supaya strategi berkenaan dipilih dengan cekap dan dilaksanakan dengan berkesan.
 - c) Mencadangkan kadar pulangan yang munasabah ke atas dana yang dilaburkan.
 - d) Memastikan pendapatan yang optimum diperolehi daripada pelaburan dengan pendedahan risiko yang sewajarnya.

3. Mesyuarat jawatankuasa yang telah diadakan pada 15 Oktober 2025 (Rabu).

4. Rumusan
 - a) Jawatankuasa memberikan pendapat dan cadangan berkaitan pelaburan yang akan dilaksanakan.
 - b) Jawatankuasa memastikan strategi yang dirancang telah mengambil kira faktor-faktor penting semasa pemilihan pelaburan yang akan dilaksanakan.

LAPORAN JAWATANKUASA IMBUHAN SEKATARAKYAT SESI 2025/2026

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JAWATANKUASA IMBUHAN

1. Jawatankuasa Imbuan Sekatarakyat bagi sesi 2024/2025 dianggotai seramai empat orang iaitu :-

- a) Dato' Mustafha Abd Razak - Pengerusi
- b) Tuan Haji Mohd Khuzaini Ab Ghani - Anggota Jawatankuasa
- c) Encik Zakaria Abdul Majid - Anggota Jawatankuasa
- d) Encik Suhaimi Che Omar - Anggota Jawatankuasa

2. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Imbuan

- a) Membangunkan dasar dan rangka kerja pakej imbuan dan elaun secara formal dan telus bagi Anggota Lembaga pengarah, Jawatankuasa, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), dan Pengurusan yang lain.
- b) Jumlah imbuan yang akan diberikan hendaklah dinyatakan dalam belanjawan tahunan secara terperinci mengikut kategori dan jenis elaun yang ditetapkan. Perkara berikut perlu diambil kira dalam penyediaan dasar dan pakej imbuan adalah seperti yang berikut :-
 - i) Objektif dan hala tuju koperasi.
 - ii) Perbandingan imbuan dengan industri lain.
 - iii) Prestasi koperasi itu.
 - iv) Skala imbuan hendaklah meliputi skop dasar perniagaan umum dan tidak hanya berasaskan kepada pencapaian jangka masa pendek.
- c) Dasar mengenai imbuan kepada Jawatankuasa dan Pengurusan hendaklah menarik untuk mengekalkan Jawatankuasa dan Pengurusan yang berkaliber. Walau bagaimanapun, ia hendaklah tidak keterlaluan sehingga menjejaskan perniagaan koperasi.
- d) Bertanggungjawab menyemak dan mengesyorkan struktur imbuan.

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2025/2026 adalah seperti yang berikut :-

BIL MESYUARAT	PERKARA	TARIKH	HARI	BILANGAN KEHADIRAN
Bil 01/2025	Mesyuarat Pertama	21 Februari 2025	Jumaat	4/4
Bil 02/2025	Mesyuarat Kedua	17 Julai 2025	Khamis	4/4
Bil 03/2025	Mesyuarat Ketiga	18 Ogos 2025	Isnin	4/4

4. Hasil semakan dan perbandingan :-

- a) Kami juga telah memeriksa dokumen-dokumen berkaitan Cadangan Bonus 2024 dan Kenaikan Gaji 2025 adalah benar dan tepat.
- b) Sehubungan dengan itu, kami berpuashati di atas cadangan yang dikemukakan oleh Pengurusan serta tindakan daripada pihak Pengurusan selaras mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat dan Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

**LAPORAN JAWATANKUASA
SYARIAH SEKATARAKYAT
SESI 2025 / 2026**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)
TINGKAT 2A, MENARA 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

1. Komposisi Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat bagi sesi 2025 / 2026 terdiri seramai tiga (3) orang ahli jawatankuasa seperti yang berikut:

- | | |
|---|------------------------|
| i. Ustaz Mohd Mawerdi Sairi | - Pengerusi |
| ii. Dr. Ahmad Zainudin Abdullah | - Anggota Jawatankuasa |
| iii. Ustaz Wan Ahmad Izzat Wan Ahmad Sanadi | - Anggota Jawatankuasa |

2. Pelantikan baru / pelantikan semula sebagai Jawatankuasa Syariah bagi sesi 2025/2026.

- Tiada

3. Peranan / Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Syariah

a. Tanggungjawab dan Akauntabiliti

Bertanggungjawab terhadap semua keputusan dan pandangan Syariah yang telah disediakan.

b. Menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan

- i. Dengan memberi input kepada Sekatarakyat mengenai perkara Syariah supaya Sekatarakyat mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa.
- ii. Memberi nasihat dan kelulusan kepada Sekatarakyat berhubung dengan pengiraan, pembayaran dan pengagihan zakat.

c. Memperakukan Dasar dan Prosedur Syariah

Memperakukan dasar dan prosedur dalam semua perkara yang disediakan oleh Sekatarakyat dan memastikan kandungannya tidak mempunyai sebarang unsur yang tidak selaras dengan Syariah.

d. Memperakukan dan Mengesahkan Dokumen Berkaitan

Bagi memastikan produk Sekatarakyat mematuhi prinsip Syariah, jawatankuasa akan memperakukan dan mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi perundangan lain yang digunakan dalam pelaksanaan urusan niaga.

- e. Membantu Pihak Berkaitan mengenai Hal Ehwal Syariah
 - i. Menilai kerja yang dijalankan mengikut semakan dan audit Syariah bagi memastikan prinsip Syariah dipatuhi.
 - ii. Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat yang ditubuhkan boleh memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan Sekatarakyat seperti peguam, juruaudit, perunding dan lain-lain.
- f. Nasihat mengenai perkara untuk dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
 - i. Menasihati Sekatarakyat untuk merujuk/berunding dengan SKM mengenai perkara Syariah yang tidak dapat diselesaikan.
 - ii. SKM pula akan membawa perkara tersebut kepada mana-mana badan kuasa tertinggi bagi mendapatkan penjelasan dan keputusan muktamad, sekiranya perlu.
- g. Menyediakan Pendapat Syariah Bertulis

Menyediakan pendapat Syariah secara bertulis dalam keadaan di mana Sekatarakyat merujuk kepada SKM untuk perbincangan selanjutnya bersama-sama badan berkuasa tertinggi atau di mana terdapat persoalan berkenaan produk koperasi oleh Suruhajaya.

4. Kekerapan dan kehadiran mesyuarat Jawatankuasa Syariah

- a. Bagi tahun 2025 / 2026, tarikh mesyuarat diadakan seperti yang berikut:
 - i. Mesyuarat JKS Pertama - 2 Mei 2025
 - ii. Mesyuarat JKS Ke-2 - 27 Mei 2025
 - iii. Mesyuarat JKS Ke-3 - 25 Jun 2025
 - iv. Mesyuarat JKS Ke-4 - 7 Ogos 2025
 - v. Mesyuarat JKS Ke-5 - 17 September 2025
 - vi. Mesyuarat JKS Ke-6 - 19 September 2025
 - vii. Mesyuarat JKS Ke-7 - 18 November 2025
 - viii. Mesyuarat JKS Ke-8 - 26 Januari 2026
- b. Kekerapan kehadiran mesyuarat bagi sesi Jawatankuasa Syariah untuk tahun 2025 / 2026 adalah seperti yang berikut:

BIL	NAMA	KEHADIRAN MESYUARAT
1	Ustaz Mohd Mawerdi Sairi	8/8
2	Dr. Ahmad Zainudin Abdullah	8/8
3	Ustaz Wan Ahmad Izzat Wan Ahmad Sanadi	8/8

5. Tugas Jawatankuasa Syariah bagi Sesi 2025 / 2026

- Bagi Sesi 2025 / 2026, Jawatankuasa Syariah Sekatarakyat melaksanakan tugas-tugas bagi perkara-perkara berikut:
 - i. 27 Mei 2025 - Perbincangan berkenaan Terma Dan Syarat Penyertaan Acara Mencari Harta Karun 2025
 - ii. 25 Jun 2025 - Perbincangan berkenaan Sijil Syariah yang dikemukakan kepada Coop Bank Pertama.
 - iii. 7 Ogos 2025 - Mesyuarat Penerbitan Sukuk Bersama Bank Islam
 - iv. 17 September 2025 - Perbincangan berkenaan Pelan Audit Syariah bagi tahun 2026
 - v. 19 September 2025 - Pengesahan Konsep Syariah bagi Program Sukuk Sekatarakyat
 - vi. 18 November 2025 - Perbincangan berkenaan Pelaburan Projek Usahasama Perindustrian Bandar Bukit Raja
 - vii. 26 Januari 2026 - Perbincangan berkenaan Laporan Jawatankuasa Syariah Sesi 2025/2026.

6. Rumusan

Kami telah meneliti prinsip dan kontrak yang berkaitan dengan transaksi dan aplikasi yang diperkenalkan oleh Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tempoh berakhir 31 Disember 2025. Kami juga telah melaksanakan kajian untuk memberi pandangan sama ada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad telah mematuhi prinsip Syariah, keputusan dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berautoriti dan juga keputusan Syariah yang ditetapkan oleh kami.

Pengurusan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa koperasi telah menjalankan perniagaan mengikut prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyediakan suatu pandangan yang bebas, berdasarkan kajian kami ke atas operasi Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad.

Kami telah merancang dan melaksanakan penyemakan untuk memperoleh segala maklumat dan penjelasan yang dianggap perlu bagi membolehkan kami memperoleh bukti-bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Berdasarkan semua maklumat yang dimajukan kepada kami dan penerangan daripada pihak pengurusan Sekatarakyat, pada pendapat kami:

1. Kontrak, transaksi dan urusan yang dilakukan oleh Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 yang telah kami semak adalah mematuhi prinsip Syariah;

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

2. Peruntukan keuntungan dan caj kerugian berkaitan akaun pelaburan mematuhi asas yang telah diluluskan oleh kami mengikut prinsip Syariah; dan
3. Pengiraan zakat adalah selaras dengan prinsip Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad, dengan ini mengesahkan bahawa operasi Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 telah dijalankan selaras dengan prinsip Syariah.

PERKARA 2

2. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2025/2026

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
SEKATARAKYAT SESI 2025/2026**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (SEKATARAKYAT)
Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD)

1. Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat bagi sesi 2025/2026 yang telah mengikut tempoh dari 25 Mac 2025 hingga 24 Mac 2026 dianggotai seramai tiga (3) orang iaitu :-
 - a) Nazaruddin Zainal Abidin – Pengerusi
 - b) Ismarazi Ismail – Anggota Jawatankuasa
 - c) Mohd Arief Azree Tun Arifin – Anggota Jawatankuasa

2. Mengikut **Garis Panduan 4 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman adalah seperti yang berikut :-

Perkara 5 : JAD seharusnya berfungsi membantu koperasi mencapai tujuannya dengan menilai keberkesanan pelbagai aspek koperasi seperti kewangan, operasi dan pematuhan serta menambah nilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan, tadbir urus dan tahap operasi koperasi.

Perkara 18 : Tugas dan tanggungjawab oleh JAD yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Kecil sepertimana kehendak subseksyen 42A(2) Akta 502, termasuklah :-

- a) meluluskan rancangan kerja audit dalaman berasaskan kewajaran skop dan risiko;
- b) memastikan koperasi mempunyai serta mematuhi dasar dan prosedur mengenai kawalan dalaman yang berkesan;
- c) memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh juruaudit luar, juruaudit dalam dan pandangan Suruhanjaya;
- d) memeriksa akaun koperasi pada lat-lat masa yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil;
- e) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan serta mengkaji dan memaklumkan kepada Lembaga apa-apa transaksi yang meragukan;
- f) menyiasat perkara-perkara yang diarahkan oleh Lembaga;
- g) menyemak laporan Audit Dalaman bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, peraturan-peraturan atau Undang-Undang Kecil;
- h) memaklumkan Lembaga apa-apa ketidakselarasan yang berlaku dalam pengurusan koperasi dengan serta-merta;
- i) mengadakan mesyuarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil; dan
- j) mengemukakan laporan dan syor bertulis mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, peraturan-peraturan atau Undang-Undang Kecil kepada Lembaga sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil.

Perkara 19 : Skop audit dalaman perlu merangkumi audit kewangan, audit pengurusan, audit pematuhan, audit teknologi maklumat, audit operasi, audit prestasi, audit kualiti, audit syariah dan lain-lain mengikut kewajaran skop dan risiko meliputi semua operasi dan keperluan semasa koperasi.

Perkara 24 : JAD hendaklah mempunyai kuasa yang diberikan oleh Lembaga untuk :-

- a) memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi dan subsidiarinya, jika ada; dan
- b) memanggil mana-mana orang yang dikehendaknya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan,

bagi memastikan hal-ehwal dan perniagaan koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Akta, peraturan-peraturan, arahan, garis panduan, Undang-undang Kecil, mana-mana undang-undang bertulis lain, keputusan mesyuarat agung dan mesyuarat Lembaga.

Perkara 25 : JAD hendaklah menjalankan tugas dengan berfungsi secara bebas daripada Lembaga dan pengurusan koperasi. Oleh itu, JAD pada setiap masa dalam melaksanakan kuasa, kewajipan dan tanggungjawabnya hendaklah berpegang kepada prinsip tataetika berikut :-

a) Integriti

Integriti juruaudit dalaman membentuk kepercayaan kepada pemegang taruh yang menjadi asas bagi kebergantungan terhadap pertimbangan mereka.

b) Keobjektifan

JAD perlu menunjukkan tahap keobjektifan profesional tertinggi dalam pengumpulan, penilaian, dan penyampaian maklumat berkaitan aktiviti atau proses yang sedang dikaji. JAD perlu membuat penilaian yang seimbang tentang semua keadaan berkaitan dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan diri atau pihak lain dalam membuat pertimbangan. Sikap berkecuali membolehkan JAD melaksanakan tugas dan kewajipannya dengan penuh yakin dan tanpa menjejaskan pertimbangan dan hasil pengauditan.

c) Kerahsiaan

JAD perlu berhati-hati dalam penggunaan dan perlindungan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan tugas dan kewajipannya. JAD perlu menghormati nilai dan hak ke atas maklumat yang diterima dan tidak mendedahkan maklumat tanpa kebenaran melainkan dengan keperluan undang-undang atau profesional untuk berbuat demikian. JAD juga tidak boleh menggunakan maklumat untuk sebarang faedah peribadi atau dalam apa cara yang melanggar undang-undang atau menjejaskan objektif pengauditan.

d) Kecekapan / Kompetensi

JAD mengguna pakai pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman yang perlu dalam melaksanakan khidmat audit dalaman. JAD perlu berkeupayaan mengaitkan prosedur dan amalan kepada keperluan standard. Kompetensi JAD

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

boleh dicapai dengan gabungan latihan, pengalaman langsung, dan pendidikan berterusan.

3. Mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2025/2026 adalah seperti yang berikut :-

BIL MESYUARAT	PERKARA	TARIKH	BILANGAN KEHADIRAN	AGENDA
Bil 1	Mesyuarat Kali Pertama	15 Julai 2025	3/3	<ul style="list-style-type: none">• Pengenalan
Bil 2	Mesyuarat Kali Kedua	12 September 2025	3/3	<ul style="list-style-type: none">• ARX ** (Jalan Othman / Sungai Besi / Dengkil)
Bil 3	Mesyuarat Kali Ketiga	26 November 2025	3/3	<ul style="list-style-type: none">• Had Bidang Kuasa Pengurusan
Bil 4	Mesyuarat Kali Keempat	16 Januari 2026	3/3	<ul style="list-style-type: none">• ARX ** (Jalan Othman / Sungai Besi / Dengkil)• Had Bidang Kuasa Pengurusan

4. JAD juga telah membentangkan laporan kepada Anggota Lembaga Pengarah seperti yang berikut :-

BIL MESYUARAT	PERKARA	TARIKH	AGENDA
Bil 1	Mesyuarat Kali Pertama	24 September 2025	<ul style="list-style-type: none">• ARX ** (Jalan Othman / Sungai Besi / Dengkil)
Bil 2	Mesyuarat Kali Kedua	26 Januari 2026	<ul style="list-style-type: none">• ARX ** (Jalan Othman / Sungai Besi / Dengkil)• Had Bidang Kuasa Pengurusan

5. Laporan JAD ini dibuat berdasarkan pemerhatian yang kami jalankan atas Laporan Penemuan Audit oleh Orang Kompeten (Firma LTTH Plt.) berdasarkan pelan audit yang telah ditetapkan seperti yang berikut :-

1. Pengauditan ARX (melibatkan 3 cawangan terpilih – Jalan Othman / Sungai Besi / Dengkil)

Tadbir Urus Keseluruhan

- Semakan ke atas dasar dan prosedur Ar-Rahnu.
- Penilaian struktur tadbir urus (termasuk Had Kuasa dan kelulusan yang diperlukan).
- Mekanisme dan keperluan pelaporan kepada Pengurusan Kanan dan Lembaga.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- Pematuhan kepada Akta Koperasi 1993, Akta Francais 1998 dan AMLA.
- Semakan pematuhan kepada Terma Perjanjian Francais dan Piawaian Jenama.
- Ketepatan dan ketepatan masa bayaran royalti kepada Francaisor.
- Pematuhan kepada prosedur dokumentasi dan kerahsiaan maklumat.

Pendaftaran & Kelulusan

- Proses pengambilan pelanggan dan permohonan, termasuk verifikasi identiti.
- Proses penilaian barang gadaian dan kaedah penilaian.
- Pengesahan bahawa pinjaman dikeluarkan selepas kelulusan dan dokumentasi lengkap.

Pengurusan Barang Gadaian

- Prosedur menandakan, memeterai dan keselamatan fizikal barang gadaian.
- Semakan sekuriti stor dan kawalan akses.
- Pemeriksaan inventori berkala dan dokumentasi.
- Latihan staf untuk pengurusan dan penilaian gadaian.

Pemantauan & Bayaran Balik

- Proses pemantauan pinjaman aktif dan penjejakan tarikh matang.
- Ketepatan dan ketepatan masa bayaran dan rekod.
- Penilaian pengiraan untung dan caj berdasarkan piawaian.
- Tebusan & Ketidaktebusan.
- Prosedur verifikasi sebelum tebus barang gadaian.
- Penjejakan dan eskalasi pinjaman tak berbayar.
- Proses notifikasi dan tempoh budi bicara sebelum lelong.
- Pengesahan proses lelong sah dan hasil direkod.
- Pengembalian lebihan hasil lelong kepada pelanggan selepas ditolak hutang.

2. Had Bidang Kuasa Pengurusan

- a) Derma & Sumbangan
- b) Takaful kakitangan
- c) Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah
- d) Proses Pembiayaan Anggota
- e) Permohonan menjadi anggota
- f) Permohonan berhenti menjadi anggota Koperasi.

6. Kerja pengauditan oleh Orang Kompeten telah dijalankan di lokasi-lokasi seperti yang berikut :

- a) ARX Jalan Othman, No. 23, Jalan 1/4 Seksyen 1, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
- b) ARX Sungai Besi, No. 28, Jalan Tasik Utama 5, Medan Niaga Tasik Damai, 57000 Sungai Besi, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
- c) ARX Dengkil, No. 1B, Taman Bintang Mas, Jalan Bintang Mas, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- d) Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad, Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50740 Kuala Lumpur.
7. Selain daripada itu, JAD telah ditugaskan untuk mengaudit Kes Barang Emas/Gadaian Yang Dimanipulasi Berat yang berlaku di ARX Hulu Langat.
8. Orang Kompeten telah membentangkan laporan penemuan audit kes tersebut kepada JAD pada 24 Disember 2025.
9. JAD telah membentangkan laporan keseluruhan penemuan audit kes tersebut kepada Lembaga Pengarah pada 29 Disember 2025.
10. Ringkasan keputusan audit mengikut keutamaan untuk pelaksanaan berdasarkan sifat penemuan yang dikategorikan oleh Orang Kompeten seperti yang berikut :-

SIFAT	Deskripsi
Kawalan (K)	Keputusan semakan, sama ada secara individu atau secara agregat, menunjukkan kelemahan dalam reka bentuk atau fungsi kawalan dalaman.
Operasi (O)	Penemuan menunjukkan keperluan untuk penambahbaikan dalam keberkesanan atau kecekapan proses perniagaan atau sistem kawalan dalaman yang berkaitan.
Peraturan/Undang-undang (P)	Penemuan mengenai isu yang berkaitan dengan pematuhan peraturan dan pematuhan kepada perundangan dan peraturan semasa.
Dokumentasi (D)	Keputusan mengenai isu yang berkaitan dengan keperluan pentadbiran dan dokumentasi proses perniagaan.

11. Hasil semakan dan perbandingan :-

- a) Cadangan daripada Orang Kompeten atas penemuan audit telah dipenuhi oleh pihak Pengurusan berdasarkan pelan audit yang telah ditetapkan untuk menilai keberkesanan dalam ARX (Jalan Othman, Sungai Besi & Dengkil) dan Had Bidang Kuasa Pengurusan.
- b) Selain itu, kesemua cadangan daripada Orang Kompeten atas penemuan audit kes Barang Emas/Gadaian yang dimanipulasi berat yang berlaku di ARX Hulu Langat telah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Pengurusan dengan berkesan.
- c) Kami juga telah memeriksa dokumen-dokumen yang dinyatakan adalah benar dan tepat.
- d) Buat masa yang akan datang, JAD berhasrat untuk membuat tambahan skop semakan sama ada yang akan dilaksanakan oleh Orang Kompeten dari pihak luar atau pun dikalangan anggota yang berkemahiran. Ini bagi memastikan pengendalian operasi Sekatarakyat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

- e) Sehubungan dengan itu. Kami berpuas hati atas kerja-kerja pengauditan Orang Kompeten dan cadangan serta tindakan daripada pihak Pengurusan selaras mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Sekatarakyat.
- f) Sebarang teguran daripada Orang Kompeten telah diperjelaskan secara terperinci dan tindakan susulan lebih dilaksanakan oleh pihak Pengurusan serta-merta seperti dinyatakan dalam Laporan JAD atas 2 perkara audit yang diaudit pada tahun 2025/2026 termasuk tambahan kerja audit untuk kes di ARX Hulu Langat.
- g) Kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang kami mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak Pengurusan dan Orang Kompeten melalui kaedah Hybrid (Ibu Pejabat Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat), Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat No.33 Jalan Rakyat 50470 Kuala Lumpur & Teams).

12. Diharapkan laporan ini dapat membantu barisan Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat mempertingkatkan lagi urusan harian koperasi dengan cekap dan berkesan.

Kerjasama yang diberikan oleh Sekatarakyat, kami amat hargai dan dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

PERKARA 2

**3. PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN
TERAUDIT PADA 31 DISEMBER 2025**

Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas Akaun Teraudit pada 31 Disember 2025 belum diterima.

Manakala, ulasan bagi tahun 2024 telah diterima dan dibentangkan untuk makluman Mesyuarat Agung Perwakilan.


PERKARA 3

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERDAFTAR DAN SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, BERSAMA-SAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT SEPERTI LAMPIRAN YANG BERIKUT :-

- 1. PEMBENTANGAN BENDAHARI KEHORMAT SEKATARAKYAT KE ATAS PENYATA KEWANGAN DIAUDIT 31 DISEMBER 2025**
- 2. PENYATA KEWANGAN DIAUDIT 31 DISEMBER 2025**
- 3. LAPORAN JURUAUDIT KOPERASI**

PERKARA 3

- 1. PEMBENTANGAN BENDAHARI KEHORMAT SEKATARAKYAT KE ATAS
PENYATA KEWANGAN DIAUDIT 31 DISEMBER 2025**



1. PENYATA PENDAPATAN

4

1. PENYATA PENDAPATAN- RUMUSAN

PERKARA/TAHUN	2021	2022	2023	2024	2025	Beza Tahun 2025 vs 2024
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Pendapatan	60.83	79.32	110.24	133.47	180.87	↑ 47.40
Kos Jualan	23.66	32.41	55.53	62.65	98.86	↑ 36.21
Keuntungan Kasar	37.17	46.91	54.71	70.82	82.01	↑ 11.19
Perbelanjaan Am	10.62	10.88	11.45	15.47	16.87	↑ 1.40
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan	6.81	9.21	11.85	12.04	15.58	↑ 3.54
Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai	23.28	26.82	31.41	43.31	49.56	↑ 6.25
Keuntungan Deposit Anggota		18.77	-0.34			0.00
Hibah Deposit Anggota		2.63				0.00
Ibra'	3.54	3.71	3.72	2.98	3.71	↑ 0.73
Keuntungan yang boleh dibahagikan	19.74	1.71	28.03	40.33	45.85	↑ 5.52

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD



6

1. PENYATA PENDAPATAN - PENDAPATAN

SEKATARAKYAT
KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

PERKARA	2021	2022	2023	2024	2025	Beza Tahun 2025 vs 2024
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Pendapatan						
Pendapatan pembiayaan anggota	31.55	29.66	31.72	33.66	33.46	-.20
Pendapatan Ar-Rahnu	18.76	28.92	39.77	56.53	101.98	45.45
Projek Projek Usahasama	.00	1.67	10.42	15.78	18.31	2.54
Pendapatan kafeteria dan kedai serbaneka	1.80	4.67	6.36	6.50	6.08	-.42
Pendapatan pembersihan pejabat	3.18	3.57	1.96	.94	1.72	.78
Pendapatan sewaan	1.98	4.62	13.46	13.53	12.37	-1.16
Pendapatan sewa Sekata Apartment	.57	1.07	1.17	1.12	1.19	.07
Pendapatan aktiviti takaful	.07	.08	.27	.57	.54	-.03
Pendapatan Hibah dan aktiviti pelaburan	1.10	.86	1.33	1.62	2.00	.38
Pendapatan Taska Nuri	.37	.59	.47	.57	.78	.21
Jualan barangan SBP	.11	.13	.23	.08	.11	.02
Pemulihan hapuskira hutang lapuk	1.00	1.88	1.69	.97	.57	-.40
Lain-lain pendapatan	.05	.42	.35	.94	1.44	.50
Pendapatan Sekata Makmur	.29	.66	.78	.41	.11	-.30
Pendapatan Farmasi		.23	.06	.04		-.04
Pendapatan Kenny Rogers		.30	.21	.20	.19	-.01
Jumlah pendapatan	60.84	79.32	110.24	133.47	180.87	47.41

7

1. PENYATA PENDAPATAN – KOS JUALAN

PERKARA	2021	2022	2023	2024	2025	Beza Tahun 2025 vs 2024
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Kos Jualan						
Kos pembiayaan	8.86	10.94	14.90	18.52	26.33	7.80
Kos aktiviti Ar-Rahnu	7.69	9.68	17.95	23.32	51.88	28.56
Kos aktiviti projek usahasama	.00	1.49	5.55	5.33	5.13	-.20
Kos aktiviti kafetaria dan kedai serbaneka	1.41	3.37	4.64	5.31	4.67	-.64
Kos pembersihan pejabat	3.01	3.26	1.81	.89	1.60	.71
Kos aktiviti sewa	1.91	1.59	8.20	6.09	6.12	.03
Kos aktiviti sewa Sekata Apartment	.26	.52	.59	.51	.67	.17
Kos aktiviti Taska Nuri	.04	.06	.10	.07	.09	.02
Kos Jualan barangan SBP	.07	.13	.22	.08	.09	.01
Kos pemulihan hapuskira hutang lapuk	.18	.31	.37	.44	.24	-.19
Kos aktiviti Sekata Makmur	.00	.01	.13	.03	.75	.72
Kos aktiviti Farmasi		.13	.06	.07		-.07
Kos aktiviti Kenny Rogers		.17	.10	.11	.10	-.02
Lain-lain kos jualan	.23	.74	.92	1.87	1.18	-.69
Jumlah kos jualan	23.66	32.41	55.53	62.65	98.86	36.21

8


1. PENYATA PENDAPATAN – PERBELANJAAN AM

PERKARA	2021	2022	2023	2024	2025	Beza Tahun 2025vs 2024
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Perbelanjaan am						
Belanja penyelenggaraan	.88	1.17	.72	.73	.85	.12
Gaji dan perbelanjaan kakitangan	6.81	9.21	11.85	12.04	15.58	3.54
Perbelanjaan ahli lembaga dan jawatankuasa	.25	.27	.33	.32	.32	.00
Perbelanjaan kewangan	.39	.86	.91	.96		-.96
Perbelanjaan pejabat dan utiliti	.78	1.18	1.26	1.40	1.35	-.05
Perbelanjaan sewa	1.04	1.17	1.42	1.57	1.75	.18
Perbelanjaan lain berkaitan operasi	.84	2.51	2.07	3.70	3.78	.08
Perbelanjaan Kawalan Keselamatan	.58	.62	.59	.81	.90	.09
Perbelanjaan Pembersihan Pejabat	.36	.41	.53	.38	.32	-.06
Perbelanjaan hari raya	.84	.86	1.47	1.22		-.22
Susutnilai aset	.83	1.34	1.11	1.43	1.39	-.04
Pelunasan Muhibbah				.04	.05	.01
Yuran profesional	.29	1.49	.41	1.69	1.09	-.60
Hapuskira Hutang Lapuk	.00	.02	.54	1.15	1.19	.04
Peruntukan Hutang Lapuk Ar-Rahnu					3.47	3.47
Hulu Langat						
Pelbagai perbelanjaan	.00	.00	.00	.04	.00	-.04
Peruntukan Am	.00	.00	.08	.06	.29	.23
Jumlah perbelanjaan	13.90	21.12	23.29	27.52	32.35	4.83
UNTUNG/(RUGI) BERSIH SEBELUM KEUNTUNGAN & HIBAH DEPOSIT ANGGOTA, IBRA' DAN CUKAI	23.28	25.79	31.42	43.30	49.67	6.36
Keuntungan Deposit Anggota		18.05	-.34			17.71
Hibah Deposit Anggota		2.63				2.63
Ibra'	3.54	3.71	3.72	2.98	3.71	.73
Hibah Langganan Anggota					.10	.10
UNTUNG/(RUGI) BERSIH SEBELUM CUKAI	19.74	1.40	28.03	40.33	45.85	5.53

1. PENYATA PENDAPATAN – PERINCIAN PERBELANJAAN KAKITANGAN

PERBELANJAAN KAKITANGAN	2021	2022	2023	2024	2025	Beza Tahun 2025 vs 2024
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Gaji Pokok	3.04	4.12	4.70	5.38	6.91	↑ 1.53
Bayaran Bonus	1.63	2.42	3.44	2.73	4.38	↑ 1.65
Elaun Sara Hidup	0.19	0.22	0.22	0.22	0.24	↓ 0.02
Elaun lebih masa	0.24	0.69	1.44	1.48	1.35	↓ -0.13
Elaun tuntutan perjalanan	0.05	0.10	0.10	0.22	0.30	↑ 0.08
Elaun-elaun lain	0.82	0.19	0.21	0.19	0.30	↑ 0.11
KWSP	0.66	0.86	1.01	0.72	0.89	↑ 0.17
PERKESO	0.06	0.09	0.11	0.14	0.12	↓ -0.02
SIP Majikan	0.01	0.01	0.01	0.02	0.02	↑ 0.00
Kebajikan kakitangan	0.00	0.31	0.42	0.65	0.62	↓ -0.03
Perubatan	0.05	0.05	0.05	0.05	0.24	↑ 0.19
Kursus dan latihan	0.06	0.15	0.14	0.24	0.21	↓ -0.03
Jumlah Perbelanjaan Kakitangan	6.81	9.21	11.85	12.04	15.58	3.54

1. PENYATA PENDAPATAN – UNTUNG BERSIH SEBELUM IBRA' & CUKAI






SEKATARAKYAT
KOPERASI KAKITANGAN
BANK RAKYAT BERHAD


2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN - ASET

PERKARA/TAHUN	2021	2022	2023	2024	2025	Beza Tahun 2025 vs 2024
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Pembiayaan Anggota	326.3	348.3	392.7	476.5	533.0	56.4
Pembiayaan Ar-Rahnu	203.5	298.9	372.0	569.1	1156.3	587.2
Aset Lain	127.4	429.6	475.8	550.1	579.7	29.7
JUMLAH	657.2	1,076.8	1,240.5	1,595.7	2,269.0	673.3



2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN - KUMPULAN WANG ANGGOTA & LIABILITI



3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN


3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIBAHAGIKAN

PERKARA/TAHUN	2020 RMJUTA	2021 RMJUTA	2022 RMJUTA	2023 RMJUTA	2024 RMJUTA	2025 RMJUTA
Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai	19.41	23.28	26.82	31.42	43.30	49.66
Keuntungan Deposit Anggota			18.77	(0.33)		
Hibah Deposit Anggota Ibra'	3.63	3.54	3.71	3.72	2.97	3.71
Hibah Langganan Anggota						0.10
Keuntungan yang boleh dibahagikan	15.78	19.74	1.71	28.03	40.33	45.85
Pembahagian berkanun	1.26	1.58	0.26	3.64	5.24	6.88
Dividen anggota	11.86	15.78	21.75	22.48	32.91	35.40
Honararium Lembaga Pengarah	0.13	-	-	-	0.09	0.12
Tabung Khairat anggota	0.27	0.35	0.01	0.47	0.70	1.00
Tabung persaraan kakitangan	-	0.35	0.25	0.25	0.32	0.39
Kumpulan Wang Penebusan Syer						0.66
Peruntukan cukai tahun semasa	0.88	0.60	-	0.70	-	1.10
Peruntukan zakat tahun semasa	0.15	0.13	0.24	0.11	0.30	0.15
Jumlah Pembahagian	18.18	22.33	26.22	31.37	42.53	49.41
% Pembahagian Keuntungan	93.66%	95.92%	97.76%	99.84%	98.22%	99.50%

3. AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN - PULANGAN KEPADA ANGGOTA

TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025
	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA	RMJUTA
Keuntungan Deposit Anggota			18.78			
Hibah Deposit Anggota			2.63			
Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota *	.27	.35	.01	.47	.70	1.00
Sumbangan Hari Raya	.80	.84	.86	1.47	1.22	
IBRA' *	3.63	3.54	3.71	3.72	2.98	3.71
Hibah Langganan Anggota						.10
Peruntukan Dividen	11.86	15.78	.35	22.48	32.91	35.40
Jumlah Peruntukan kepada Anggota	16.56	20.51	26.34	28.15	37.80	40.21
Keuntungan bersih sebelum Keuntungan & Hibah Deposit Anggota, Ibra' dan Cukai	19.36	23.28	26.82	31.42	43.30	49.67
Peratusan Jumlah Peruntukan Kepada Anggota	86%	88%	98%	90%	87%	81%
* Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota digunakan untuk Khairat Kematian, Bencana dan Sumbangan Hari Raya						
* Ibra' dicampur balik kepada keuntungan sebelum cukai						
Nota:-						
Baki tabung						
Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota	1,636,829	1,722,466	1,565,376	1,885,119	2,388,317	1,936,117
Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan	2,152,113	2,059,613	2,013,613	1,977,813	1,855,313	1,784,813

**3. AKAUN
PEMBAHAGIAN
KEUNTUNGAN –
CADANGAN
DIVIDEN MODAL
YURAN & SYER**



TERIMA KASIH

SEKATARAKYAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

PERKARA 3

2. PENYATA KEWANGAN TERAUDIT 31 DISEMBER 2025

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(No. Koperasi: 4958)
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

Alamat Pentadbiran dan Surat-Menyurat:
Tingkat 2A, Menara 2
Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(No. Koperasi: 4958)
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2025

KANDUNGAN	MUKASURAT
MAKLUMAT KOPERASI	(i)
LAPORAN BERKANUN LEMBAGA KOPERASI	1 - 3
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	4 - 8
KUNCI KIRA-KIRA	9 - 10
AKAUN UNTUNG RUGI	11 - 12
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	13
PENYATA ALIRAN TUNAI	14 - 15
NOTA-NOTA KEPADA AKAUN	16 - 68

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

MAKLUMAT KOPERASI

PENGERUSI	: DATUK MOHAMED ARSAD BIN SEHAN
SETIAUSAHA KEHORMAT	: PUAN HASRUL LIZA BINTI SHAH RUDIN
BENDAHARI KEHORMAT	: DATO' MUSTAFHA BIN ABD RAZAK
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	: HAJI MOHD SALLEH BIN MAHMOOD HAJI SALIMAN BIN ZAINAL HAJI MOHAMAD SABRI BIN MOHAMED NOR HAJI MOHD KHUZAINI BIN AB GHANI EN ZAKARIA BIN ABDUL MAJID EN SUHAIMI BIN CHE OMAR
ALAMAT PENTADBIRAN DAN SURAT-MENYURAT	: TINGKAT 2A, MENARA 2 MENARA KEMBAR BANK RAKYAT NO. 33, JALAN RAKYAT, KL SENTRAL 50470 KUALA LUMPUR
JURUAUDIT	: JAMAL, AMIN & PARTNERS (AF 1067) NO. 62-1, TINGKAT 1 JALAN 2/23A OFF JALAN GENTING KLANG TAMAN DANAU KOTA 53300 SETAPAK KUALA LUMPUR

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(C) AKTA KOPERASI, 1993

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi, 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- (a) Pada pendapat kami, hasil kendalian Koperasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 tidak terlibat dengan apa-apa perkara yang luar biasa mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi, 1993;
- (b) Lembaga Koperasi bercadang memperuntukkan dividen sebanyak 13.5% (2024: 13.5%) atas modal syer dan modal yuran sebanyak RM35,400,000 (2024: RM32,905,718) tertakluk kepada persetujuan dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- (c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara penilaian aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai;
- (d) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang dibentangkan di Kunci Kira-Kira Koperasi adalah munasabah;
- (e) Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, tiada tanggungan luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan;
- (f) Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh 12 bulan selepas berakhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menepati segala kewajibannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak;
- (g) Koperasi membuat tambahan peruntukan am sebanyak RM290,000 (2024: RM60,000) menjadikan jumlah terkumpul peruntukan am sebanyak RM800,000, hapuskira hutang lapuk pembiayaan anggota sebanyak RM251,093 (2024: RM495,405) dan hapuskira hutang lapuk pembiayaan Ar-Rahnu sebanyak RM935,043 (2024: RM658,149) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993;
- (h) Koperasi juga membuat peruntukan hutang ragu Ar-Rahnu Hulu Langat sepenuhnya dalam tahun 2025 sebanyak RM3,470,059 disebabkan terdapat gadaian emas yang dimanipulasi berat oleh 11 individu melalui 11 Surat Akaun Gadaian (SAG) dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM3,373,900 dan jumlah keuntungan sebanyak RM96,159.10. Laporan polis telah dibuat bagi tujuan tuntutan fideliti Ar-Rahnu (Takaful), dan berdasarkan polisi takaful Rakyat Management Services (RMS), tuntutan sehingga RM1,000,000 layak diperolehi. Selain itu, anggaran nilai emas yang boleh dilebur adalah sebanyak RM2,124,685. Jumlah keseluruhan sekiranya diperolehi semula sebanyak RM3,124,685 tidak termasuk bayaran semula daripada penggadai untuk tujuan penebusan semula.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(C) AKTA KOPERASI, 1993

- (i) Objektif pengurusan modal adalah untuk mengekalkan kedudukan modal yang kuat bagi menyokong pertumbuhan perniagaan, untuk mengekalkan keyakinan anggota dan pasaran serta memberikan sokongan untuk potensi kerugian. Sejalan dengan objektif ini, Koperasi telah menguruskan modalnya secara aktif dan memastikan bahawa nisbah kecukupan modal yang mengambil kira profil risiko Koperasi, melebihi syarat minimum peraturan.

Kecukupan modal dan penggunaan modal kawal selia adalah dipantau secara bulanan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Koperasi berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

Modal kawal selia Koperasi terdiri daripada dua peringkat:

- (i) Modal tahap 1: Kumpulan Wang Anggota
- (ii) Modal tahap 2: Simpanan Am

- (j) Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti yang berikut:

- i) Datuk Mohamed Arsad Bin Sehan
- ii) Puan Hasrul Liza Binti Shah Rudin
- iii) Dato' Mustafha Bin Abd Razak
- iv) Haji Mohd Salleh Bin Mahmood
- v) Haji Saliman Bin Zainal
- vi) Haji Mohamad Sabri Bin Mohamed Nor
- vii) Haji Mohd Khuzaini Bin Ab Ghani
- viii) En Zakaria Bin Abdul Majid
- ix) En Suhaimi Bin Che Omar

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)


LAPORAN BERKANUN LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(C) AKTA KOPERASI, 1993

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi mengakui bahawa selain daripada perkara-perkara yang disebut di atas, tiada perkara-perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(1)(c) Akta Koperasi, 1993.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga,



DATUK MOHAMED ARSAD BIN SEHAN
Pengerusi



HASRUL LIZA BINTI SHAH RUDIN
Setiausaha Kehormat



DATO' MUSTAFHA BIN ABD RAZAK
Bendahari Kehormat

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 12 JAN 2026

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	3,368,689	3,912,414
Muhibbah (Goodwill)	7	179,985	234,083
Pelaburan Dalam Usaha Sama	8	92,013,279	94,513,279
Pelaburan Hartanah	9	245,282,250	252,568,000
Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	10	184,335	183,758
Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga	11	6,000,097	6,000,097
Pembiayaan Anggota	12	479,666,322	428,875,461
Akaun Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	13	3,015,904	1,443,118
Akaun Deposit Koperasi (ADK)	14	18,868,422	13,365,956
Deposit Akaun Trustees - Amanah Raya	15	100,000	-
		<u>848,679,283</u>	<u>801,096,166</u>
ASET SEMASA			
Inventori	16	432,699	1,050,939
Penghutang Dagangan	17	1,355,792	381,393
Penghutang Pelbagai dan Deposit	18	159,185,153	151,533,396
Pembiayaan Ar-Rahnu	19	1,156,260,039	569,084,962
Pembiayaan Anggota	12	53,296,258	47,652,829
Potongan Gaji In Transit	20	5,258,890	4,905,358
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	21	21,037,838	13,804,102
Cukai Boleh Diperolehi Semula (<i>Tax Recoverable</i>)		1,215,941	949,571
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	22	22,229,289	5,235,649
		<u>1,420,271,899</u>	<u>794,598,199</u>
JUMLAH ASET		<u>2,268,951,182</u>	<u>1,595,694,365</u>
DIBIYAI OLEH :			
Modal Syer Anggota	23	1,320,293	1,250,940
Modal Yuran Anggota	24	270,014,274	251,290,018
Modal Syer Ditebus	25	-	-
Kumpulan Wang Penebusan Syer	26	660,147	-
Rizab Nilai Saksama - Pelaburan Hartanah	27	15,964,139	23,249,889
Rizab Nilai Saksama - Pelaburan Syer	28	91,946	105,001
Akaun Penyamaan Dividen	29	900,000	900,000
Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota	30	1,936,117	2,388,317
Tabung Penebusan Pembiayaan	31	-	64,335
Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan Sekatarakyat	32	1,784,813	1,855,313
Tabung Persaraan Kakitangan	33	3,906,391	4,010,266
Keuntungan Terkumpul		11,545,542	9,846,523
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>308,123,662</u>	<u>294,960,602</u>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	34	40,219,904	34,717,438

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

	Nota	2025 RM	2024 RM
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pembiayaan dari SKM	35	8,291,900	9,214,311
Pembiayaan dari Institusi Kewangan Lain	36	1,482,903,890	984,441,462
		<u>1,491,195,790</u>	<u>993,655,773</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang Dagangan	37	39,341	4,348
Pelbagai Pemiutang	37	9,567,138	16,358,108
Peruntukan Cukai dan Zakat		700,000	708,331
Simpanan Am	38	49,989,853	49,049,474
Pembiayaan dari SKM	35	921,322	1,023,812
Pembiayaan dari Institusi Kewangan Lain	36	164,767,099	109,382,385
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	39	458,539	403,257
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	40	917,078	806,515
Akaun Deposit Koperasi (ADK) Belum Bayar		5,502,466	6,836,002
Dividen Dicadangkan	41	35,400,000	32,905,718
Honorarium	42	120,000	90,000
Overdraf Bank	43	161,028,990	54,792,602
		<u>429,411,826</u>	<u>272,360,552</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>2,268,951,182</u>	<u>1,595,694,365</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	2025 RM	2024 RM
Pendapatan		
Pendapatan Pembiayaan Anggota	33,463,372	33,664,443
Pendapatan Ar-Rahnu	101,977,989	56,525,662
Pendapatan Projek Usaha Sama	18,314,737	15,779,347
Pendapatan Kafeteria dan Kedai Serbaneka	6,079,308	6,500,151
Pendapatan Pembersihan Pejabat	1,724,832	944,399
Pendapatan Sewa	12,371,772	13,528,361
Pendapatan Sewa Sekata Apartment	1,187,210	1,115,203
Pendapatan Sewa Sekata Makmur	112,947	411,153
Pendapatan Kenny Rogers	194,760	203,285
Pendapatan Taska Nuri	784,540	571,375
Pendapatan Aktiviti Takaful	542,802	569,728
Pendapatan Aktiviti Pelaburan	2,000,059	1,622,641
Jualan Barangan SBP	107,151	82,822
Pemulihan Hapuskira Hutang Lapuk	565,819	970,749
Pendapatan Farmasi	-	36,784
Treasure Hunt	464,900	427,650
Lain-Lain Pendapatan	979,654	512,525
Jumlah Pendapatan	180,871,853	133,466,278
Kos Jualan		
Kos Pembiayaan	26,327,464	18,524,050
Kos Aktiviti Ar-Rahnu	51,879,860	23,315,970
Kos Aktiviti Projek Usaha Sama	5,134,497	5,331,608
Kos Aktiviti Kafeteria dan Kedai Serbaneka	4,670,078	5,311,819
Kos Pembersihan Pejabat	1,601,595	891,420
Kos Aktiviti Sewa	6,124,222	6,094,776
Kos Aktiviti Sewa Sekata Apartment	671,351	506,058
Kos Aktiviti Sekata Makmur	748,774	26,029
Kos Aktiviti Kenny Rogers	98,696	114,866
Kos Aktiviti Taska Nuri	88,313	70,527
Kos Jualan Barangan SBP	88,347	80,589
Kos Pemulihan Hapuskira Hutang Lapuk	244,225	435,743
Kos Aktiviti Farmasi	-	71,466
Kos Aktiviti Treasure Hunt	450,691	412,811
Lain-Lain Kos Jualan	731,067	1,457,586
Jumlah Kos Jualan	98,859,180	62,645,318
Keuntungan Kasar	82,012,673	70,820,960

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

	Nota	2025 RM	2024 RM
Tolak: Perbelanjaan			
Perbelanjaan Am			
Belanja Penyelenggaraan		852,527	726,314
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan Ibra'	44	15,580,087	12,037,924
Hibah Langganan Anggota		3,712,651	2,976,918
Perbelanjaan Anggota Lembaga	45	100,000	-
Perbelanjaan Jawatankuasa	45	290,614	287,697
Perbelanjaan Kewangan		30,616	28,800
Perbelanjaan Pejabat dan Utiliti		-	964,798
Perbelanjaan Sewa		1,354,774	1,396,847
Perbelanjaan Lain Berkaitan Operasi		1,745,273	1,566,266
Perbelanjaan Kawalan Keselamatan		3,551,413	3,300,554
Perbelanjaan Pembersihan Pejabat		904,779	805,729
Perbelanjaan Mesyuarat Agung		323,204	376,470
Perbelanjaan Hari Raya		225,396	394,778
Pelunasan Muhibbah		-	1,222,350
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		54,098	36,407
Yuran Audit Luar		1,394,731	1,426,925
Yuran Profesional		59,939	50,000
Hapuskira Hutang Lapuk Pembiayaan Anggota		1,032,490	1,643,845
Hapuskira Hutang Lapuk Ar-Rahnu		251,093	495,405
Peruntukan Hutang Ragu Ar-Rahnu Hulu Langat	46	935,043	658,149
Kerugian Pelupusan Aset		3,470,059	-
Peruntukan Am	47	-	39,049
Jumlah Perbelanjaan		290,000	60,000
Keuntungan Bersih Dipindahkan Ke Akaun Pembahagian Keuntungan		36,158,787	30,495,225
		45,853,886	40,325,735

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Keuntungan Bersih Tahun Semasa		45,853,886	40,325,735
Tolak: Pembahagian Berkanun			
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 12% (2024: 10%)		5,502,466	4,032,574
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2% (2024: 2%)		917,078	806,515
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1% (2024: 1%)		458,539	403,257
		<u>6,878,083</u>	<u>5,242,346</u>
Keuntungan Bersih Selepas Pembahagian Berkanun		38,975,803	35,083,390
Tolak: Peruntukan Cukai Tahun Semasa	48	(1,100,000)	-
Tolak: Peruntukan Zakat Tahun Semasa		<u>(150,000)</u>	<u>(300,000)</u>
Keuntungan Bersih Selepas Cukai dan Zakat		37,725,803	34,783,390
Tolak: Lain-Lain Pembahagian			
Dividen Dicadangkan - 13.5% Di Atas Modal Syer Dan Modal Yuran Anggota (2024: 13% + 0.5% (Dividen Khas))		(35,400,000)	(32,905,718)
Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota	30	(1,000,000)	(695,668)
Honorarium Lembaga Pengarah	42	(120,000)	(90,000)
Kumpulan Wang Penebusan Syer	26	(660,147)	-
Tabung Persaraan Kakitangan	33	(390,000)	(320,000)
		<u>(37,570,147)</u>	<u>(34,011,386)</u>
Keuntungan Bersih Selepas Lain-Lain Pembahagian		155,656	772,004
Tambah/(Tolak): Pelarasan Bukan Operasi			
Lebihan/(Kurangan) Peruntukan Cukai Tahun Sebelum		328,494	(67,645)
Lebihan Peruntukan Zakat Tahun Sebelum		246,059	242,392
Pelarasan Cukai Terlebih Bayar		408,330	-
Lebihan Peruntukan Dividen		496,145	208,877
Pelarasan Tabung Penebusan Pembiayaan	31	64,335	-
		<u>1,543,363</u>	<u>383,624</u>
Tambah: Keuntungan Terkumpul Pada 1 Januari		9,846,523	8,690,895
Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 31 Disember		<u>11,545,542</u>	<u>9,846,523</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi			
Keuntungan Sebelum Cukai		45,853,886	40,325,735
Pelarasan Untuk:			
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan		1,396,565	1,432,014
Pelunasan Muhibbah		54,098	36,407
Keuntungan kenaikan nilai syer siar harga		(13,632)	-
Pendapatan Hibah		(89,902)	(123,496)
Pendapatan Dividen		(1,910,157)	(4,962,609)
Peruntukan Dividen		(5,297,306)	-
Peruntukan Hutang Ragu Ar-Rahnu Hulu Langat		3,470,059	-
Pemulihan Hapuskira Hutang Lapuk		(565,819)	(970,749)
Perbelanjaan Kewangan		-	964,798
Hapuskira Hutang Lapuk Pembiayaan		1,186,136	495,405
Rugi Atas Hapus Kira Hartanah, Loji dan Peralatan		(1,833)	68,260
Keuntungan Daripada Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		44,082,095	37,265,765
Penambahan/(Pengurangan) di dalam Modal Kerja:			
Inventori		618,240	(599,437)
Penghutang Dagangan dan Pelbagai Penghutang		(6,579,689)	15,320,407
Pembiayaan Anggota		(56,685,383)	(83,383,713)
Pembiayaan Ar-Rahnu		(591,014,360)	(197,061,578)
Akaun Deposit Koperasi (ADK) Belum Bayar		(1,333,536)	-
Pemiutang Dagangan dan Pelbagai Pemiutang		(6,755,977)	(7,086,182)
Tunai yang Digunakan dalam Aktiviti Operasi		(617,668,610)	(235,544,738)
Bayaran Perbelanjaan Kewangan		-	(964,798)
Hibah Diterima		89,902	70,752
Dividen Diterima		1,910,157	-
Bayaran Cukai Pendapatan		(541,817)	(408,331)
Bayaran Zakat		-	(57,608)
Aliran Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Operasi		(616,210,368)	(236,904,723)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

	Nota	2025 RM	2024 RM
Aliran Tunai Untuk Bayaran Berkanun Dan Agihan:			
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		(806,515)	(560,686)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		(403,257)	(280,343)
Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota		(1,452,200)	(192,470)
Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan Sekatarkyaty		(70,500)	(122,500)
Tabung Persaraan Kakitangan		(493,875)	-
Tunai untuk Bayaran Berkanun dan Agihan		<u>(3,226,347)</u>	<u>(1,155,999)</u>
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(1,150,093)	(1,206,857)
Pembelian Hartanah Pelaburan		-	(2,636,000)
Pelupusan Hartanah Pelaburan		299,086	-
Pelaburan Akaun Deposit Koperasi Di Coop Bank		(205,160)	(4,237,734)
Penambahan Aset Wang Rizab Statutori		(7,233,736)	-
Pelaburan Dalam Usaha Sama		-	(76,163,279)
Pelaburan Dalam Wang Likuiditi Pusat		(1,572,786)	-
Penilaian Rizab Semula - Hartanah Pelaburan		-	2,636,000
Penilaian Rizab Semula - Pelaburan Syer		-	106,521
Muhibbah		-	(270,490)
Aliran Tunai Bersih Diperolehi Dari / (Digunakan Dalam) Aktiviti Pelaburan		<u>(9,862,689)</u>	<u>(81,771,839)</u>
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan			
Terimaan Modal Syer dan Modal Yuran Anggota		18,793,609	16,943,239
Terimaan Pembiayaan Berjangka		800,663,984	371,000,000
Penambahan Overdraf Bank		(54,792,602)	-
Bayaran Pembiayaan Berjangka		(247,841,743)	(131,765,068)
Terimaan Simpanan Anggota		940,379	32,258,763
Bayaran Honorarium		(90,000)	-
Bayaran Dividen Anggota		(32,409,573)	(22,480,283)
Aliran Tunai Bersih Diperolehi Dari Aktiviti Pembiayaan		<u>485,264,054</u>	<u>265,956,651</u>
Pengurangan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai		(144,035,350)	(53,875,910)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan		5,235,649	4,318,957
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan		<u>(138,799,701)</u>	<u>(49,556,953)</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada			
Tunai di Bank dan di Tangan	22	22,229,289	5,235,649
Overdraf Bank	43	(161,028,990)	(54,792,602)
		<u>(138,799,701)</u>	<u>(49,556,953)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

1. MAKLUMAT KORPORAT

Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad adalah sebuah Koperasi yang didaftarkan dan bermastautin di Malaysia. Aktiviti utama Koperasi adalah bergiat dalam bidang pinjam-meminjam seperti memberi pembiayaan kepada anggota, menjalankan projek usaha sama dalam bidang perumahan dan perindustrian, menjadi agen kepada beberapa buah syarikat takaful serta memperolehi pendapatan daripada penjualan barangan elektrik dan penyewaan rumah kedai dan pangsapuri, perniagaan Ar-Rahnu, kafeteria & kedai, Kenny Rogers Roasters dan penyewaan bilik mesyuarat dan bilik persidangan. Tiada perubahan yang ketara dalam kegiatan utama di dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Alamat pentadbiran dan surat menyurat adalah terletak di Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No 33 Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

2. PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN DAN AKTA BAGI KOPERASI

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut peruntukan Garis Panduan 23 (Pindaan 2020), Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi, Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan peruntukan Akta Koperasi, 1993.

3. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Koperasi telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan.

Penyediaan penyata kewangan Koperasi memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, andaian dan anggaran yang melibatkan amaun dilaporkan bagi hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Walaubagaimanapun, ketidakpastian tentang andaian dan anggaran ini mungkin membawa keputusan yang mungkin memerlukan pelarasan material kepada amaun bawaan aset dan liabiliti yang terlibat pada masa hadapan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidakpastian anggaran penting dinyatakan dalam Nota 5.

Penyata kewangan Koperasi adalah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM). Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada RM terdekat kecuali dinyatakan sebaliknya.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

4.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Aset yang ketara bagi operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan dalam pengeluaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau untuk disewa kepada orang lain diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila koperasi mempunyai kawalan ke atas aset tersebut. Aset, termasuk alat ganti utama, peralatan dan siap peralatan, diklasifikasikan kepada kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian susulan bagi satu komponen penting dalam aset yang sedia ada akan dipermudahkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen lama tidak dimasukkan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada harga penilaian ditolak susut nilai terkumpul dan/atau kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Sebarang lebihan/kurangan disebabkan oleh penilaian dicajkan ke akaun rizab penilaian semula. Polisi pengiktirafan dan pengukuran kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 4.8.

Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk digunapakai pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan (termasuk peruntukan bagi membaik pulih dan kos pemeriksaan utama) tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian semasa tempoh kewangan di mana ia ditanggung.

Susut nilai tidak diperuntukkan atas tanah pegangan bebas. Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai dengan memperuntukkan jumlah susut nilai komponen penting atau sesuatu jenis aset bagi jangka hayat yang tinggal.

Kaedah susut nilai yang digunakan dan tempoh hayat bagi kelas hartanah, loji dan peralatan masing-masing adalah seperti yang berikut:

Item	Kaedah	Jangka Hayat (tahun)
Kenderaan	Garis lurus	5
Komputer, mesin kira dan telefon	Garis lurus	4
Papan tanda	Garis lurus	5
Penghawa dingin	Garis lurus	5
Perabot dan kelengkapan	Garis lurus	5
Perkakas	Garis lurus	5
Ubahsuai	Garis lurus	5
Solar	Garis lurus	20

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, baki nilai, hayat berguna dan kaedah susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan disemak semula untuk kewajaran. Sebarang perubahan dalam anggaran jenis aset dilaraskan secara prospektif atas jangka hayat yang tinggal, bermula dalam tempoh semasa.

4.2 Pelaburan

Pelaburan dalam saham-saham tak siar harga yang dipegang sebagai pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai. Peruntukan rosot nilai akan dibuat untuk pelaburan yang dijangka akan mengalami kejatuhan berkekalan dalam nilainya.

Pendapatan dari pelaburan tersebut dimasukkan dalam penyata pendapatan jika dan bila diterima.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.3 Hartanah Pelaburan

Koperasi mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk lantai bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan, termasuk rumah yang masih dalam pembinaan, sebagai hartanah pelaburan jika ia dimiliki untuk peningkatan nilai modal, pendapatan sewa atau kedua-duanya. Hartanah pelaburan direkod pada kos pada pengiktirafan awal. Kos hartanah pelaburan terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa hartanah ke lokasi dan keadaan untuk digunapakai sebagai hartanah pelaburan. Kos hartanah pelaburan yang dibina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Bagi tujuan pengukuran susulan, barang-barang peralatan yang tidak dapat dipindahkan dan barang-barang yang bersambung secara fizikal pada bangunan, seperti lif, sistem elektrik dan sistem penyaman udara, dianggap sebagai sebahagian daripada harta tersebut. Koperasi menggunakan model nilai saksama untuk menilai hartanah pelaburan selepas pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur secara pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran siar harga, sekiranya boleh diperhatikan. Perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam rizab nilai saksama - pelaburan hartanah dalam tempoh di mana ia muncul. Semua hartanah pelaburan lain dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai.

4.4 Pembiayaan Anggota

Pembiayaan anggota telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Pembiayaan-pembiayaan yang ditawarkan oleh koperasi adalah seperti yang berikut:

- (i) Pembiayaan Peribadi
- (ii) Pembiayaan Peribadi Akaun 2
- (iii) Pembiayaan Skim Belian Plus (SBP) & Wafer Emas
- (iv) Pembiayaan Kenderaan
- (v) Pembiayaan Saham Bank Rakyat
- (vi) Pembiayaan Umrah
- (vii) Pembiayaan Barangan
- (viii) Pembiayaan Raya
- (ix) Pembiayaan Kecemasan
- (x) Pembiayaan Hartanah
- (xi) Pembiayaan Naik Sekolah
- (xii) Pembiayaan Takaful
- (xiii) Pembiayaan Jubli Emas
- (xiv) Pembiayaan Peribadi Akaun 3

Pembiayaan anggota yang tidak dapat dikutip lagi akan dihapuskira.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.5 Inventori

Inventori dinilai mengikut kaedah kos purata wajaran (weighted average). Kos terdiri daripada kos pengangkutan. Inventori terdiri daripada barangan kedai serbaguna (runcit) dinyatakan pada nilai terendah kos dan nilai pasaran bersih. Inventori yang dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih (yang merupakan harga jualan anggaran ditolak kos untuk disiapkan dan dijual). Kos terdiri daripada harga pembelian dan kos langsung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Bagi barang-barang yang dikilang, kos termasuk kos buruh dan kos boleh ubah serta overhead pengeluaran tetap. Untuk item inventori yang ketara secara individu atau diasingkan untuk projek-projek tertentu, kos diukur dengan menggunakan kaedah pengenalan tertentu. Untuk barang-barang inventori yang seragam, kos ditentukan melalui formula kos purata wajaran. Nilai boleh realisasi bersih adalah berdasarkan asas item demi item atau kumpulan asas barangan yang sama.

Inventori unit hartanah sudah siap untuk dijual dinilai dengan kaedah pengenalan khusus. Kos ditentukan mengikut kaedah tersebut.

4.6 Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu telah dibuat berdasarkan atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dilupuskan di dalam tahun ianya dikenalpasti. Elaun khas bagi hutang ragu dibuat berdasarkan kepada anggaran kerugian yang mungkin timbul daripada ketidakupayaan mengutip hutang daripada akaun tertentu yang dikenal pasti.

4.7 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

4.8 Rosot nilai bagi Aset Bukan Kewangan

Kerugian rosot nilai timbul apabila jumlah nilai dibawa aset koperasi melebihi jumlah boleh diperolehi semula.

Pada akhir setiap tarikh pelaporan, koperasi membuat penilaian sama ada terdapat sebarang petunjuk yang aset individu atau unit penjana tunai mungkin terjejas dengan menggunakan Maklumat luaran dan maklumat dalaman. Jika terdapat petunjuk tersebut, koperasi menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula aset tersebut atau unit penjana tunai itu.

Jika aset individu dapat menjana aliran tunai, ianya akan diuji semula untuk rosot nilai bagi aset individu. Jika aset tersebut tidak dapat menjana aliran tunai, ia akan diuji untuk rosot nilai bersama aset yang lain di dalam unit tunai yang dijanakan, pada tahap yang paling rendah di mana aliran tunai dijanakan dan dipantau untuk tujuan pengurusan dalaman.

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.8 Rosot nilai bagi Aset Bukan Kewangan (Samb.)

Jumlah boleh diperolehi semula bagi sesuatu aset atau unit penjanaaan tunai adalah diukur pada kadar lebih tinggi antara nilai saksama setelah ditolak kos untuk jualan dan perbandingan nilai dalam penggunaan. Koperasi menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual aset atau unit penjanaaan tunai berdasarkan: (i) harga dalam suatu perjanjian jualan; (ii) harga pasaran diniagakan dalam pasaran aktif; dan (iii) anggaran harga pasaran menggunakan maklumat terbaik yang sedia ada. Nilai yang digunakan dianggarkan dengan memberi diskaun aliran masuk tunai bersih (dengan kadar diskaun yang sesuai) bagi aset atau unit, menggunakan bajet dan ramalan lima tahun pengurusan yang munasabah dan disokong dan ekstrapolasi aliran masuk tunai untuk tempoh-tempoh selepas ramalan lima tahun atau bajet.

Bagi aset diukur pada model berasaskan kos, sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Bagi unit penjanaaan tunai, sebarang kerugian kemerosotan nilai yang diperuntukkan kepada aset unit prorata adalah berdasarkan jumlah bawaan relatif aset tersebut.

Koperasi menilai jumlah perolehan semula kerugian kemerosotan aset atau unit penjanaaan tunai jika terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini telah berkurang atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai diterbalikkan hanya apabila terdapat perubahan dalam anggaran digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi semula sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Keterbalikkan adalah terhad di mana jumlah dibawa aset tidak melebihi jumlah yang diperolehi semulanya, tidak juga melebihi jumlah dibawa yang mungkin ditentukan, tolak susut nilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset dalam tahun-tahun sebelumnya. Keterbalikkan sedemikian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melainkan aset dinyatakan pada jumlah dinilai semula, dalam hal mana keterbalikkan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

4.9 Instrumen Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan satu entiti dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti entiti lain. Koperasi mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) di dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, ia menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada harga transaksi, termasuk kos transaksi jika instrumen kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos urus niaga dibelanjakan dalam untung atau rugi apabila berlaku.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.9 Instrumen Kewangan (Samb.)

(b) Pengukuran Susulan Aset Kewangan

Bagi tujuan pengukuran susulan, koperasi mengklasifikasikan aset kewangannya kepada dua kategori, iaitu: (i) aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, dan (ii) aset kewangan pada kos terlunas.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dalam saham keutamaan dan saham biasa diukur pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif, jika diperhatikan, atau selainnya melalui teknik pengukuran, tanpa sebarang potongan untuk kos urus niaga yang ditanggung semasa jualan atau pelupusan lain.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan yang lain adalah tertakluk kepada semakan semula untuk kemerosotan nilai.

Pelaburan dalam instrumen hutang, sama ada di dalam siar harga atau tidak, secara susulan diukur pada nilai kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif. Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak siar harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos.

(c) Pengukuran Susulan Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

(d) Pengukuran Nilai Saksama Aset Kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan berdasarkan kepada harga pasaran siar harga dalam pasaran aktif, dan sekiranya tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, teknik penilaian adalah berdasarkan andaian munasabah dan disokong.

(e) Pengiktirafan Keuntungan dan Kerugian

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ia terjadi.

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos terlunas, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.9 Instrumen Kewangan (Samb.)

(f) Kemosrotan dan Aset Kewangan Tidak Dapat Dituntut

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, koperasi mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Bukti-bukti yang mencetus kehilangan adalah termasuk: (i) kesukaran yang ketara kepada penerbit atau penanggung kontrak; (ii) pelanggaran kontrak, seperti lalai atau kegagalan pembayaran kadar keuntungan atau bayaran pokok; (iii) memberikan konsesi yang luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan bahawa pelanggan akan mufis atau penyusunan semula kewangan yang lain; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) apa-apa data pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada kumpulan aset kewangan.

Bagi pembiayaan dan penghutang bukan semasa yang dibawa pada kos terlunas, anggaran aliran tunai disemak didiskaunkan pada kadar keuntungan efektif asal. Sebarang kerugian kemosrotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun peruntukan rugi. Mana-mana pembalikan susulan bagi kerugian kemosrotan aset kewangan akan dibalikkan dalam untung atau rugi dengan pelarasan kepada akaun peruntukan kerugian, tertakluk kepada had yang pembalikan tidak boleh menyebabkan jumlah bawaan yang disemak semula bagi aset kewangan melebihi jumlah yang ditentukan sekiranya tidak mempunyai kerugian kemosrotan yang diiktiraf sebelum ini.

Bagi penghutang perdagangan jangka pendek dan lain-lain penghutang jangka pendek, di mana kesan pengurangan jumlah adalah tidak material; kerugian rosot nilai diuji bagi setiap penghutang ketara secara individu sekiranya terdapat sebarang petunjuk kemosrotan nilai. Penghutang ketara secara individunya yang mana tiada kerugian kemosrotan nilai diiktiraf akan dikumpulkan bersama dengan lain-lain penghutang melalui klasifikasi berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan pengumuman penghutang terbabit mengikut tempoh hutang yang dibenarkan. Peruntukan kolektif dianggarkan untuk kumpulan berdasarkan pengalaman koperasi dalam nisbah kerugian dalam setiap kumpulan, dengan mengambil kira keadaan pasaran semasa.

Bagi pelaburan ekuiti tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak kemosrotan nilai, di mana kemosrotan nilai adalah perbezaan di antara jumlah bawaan aset dan anggaran terbaik (yang semestinya berdasarkan penghampiran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) yang mana koperasi menjangka penerimaan untuk aset jika ia dijual pada tarikh laporan. Koperasi boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.9 Instrumen Kewangan (Samb.)

(g) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu luput, atau apabila koperasi memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan, termasuk keadaan apabila koperasi bertindak hanya sebagai ejen pemungutan penerima pindahan, dan mengekalkan risiko dan ganjaran yang tidak ketara bagi pemilikan aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan aset kewangan yang dipindahkan.

Liabiliti kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dibatalkan secara sah, sama ada apabila syarat yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Perubahan ketara pada terma bagi liabiliti kewangan sedia ada menyumbang kepada penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Bagi tujuan ini, koperasi mempertimbangkan perubahan yang ketara jika nilai semasa aliran tunai yang disemak bagi terma yang diubah suai serta didiskaun pada kadar keuntungan efektif asal dengan perbezaan sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti yang asal.

4.10 Pajakan Kewangan dan Operasi

(a) Perakaunan Pajakan

Koperasi mengiktiraf pajakan apabila terdapat perjanjian, sama ada dinyatakan dengan jelas sebagai pajakan atau sebaliknya, yang mana pemberi pajak menyampaikan kepada penerima pajak sebagai balasan melalui pembayaran tunggal atau siri pembayaran bagi hak untuk menggunakan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui. Pajakan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan. Hak penama akhirnya mungkin atau tidak mungkin akan dipindahkan. Semua pajakan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

Koperasi memodalkan aset yang dipajak dan liabiliti pajakan berkaitan dalam pajakan kewangan. Jumlah yang diiktiraf pada tarikh permulaan kuat kuasa adalah nilai saksama aset yang dipajak atau, sekiranya lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, yang masing-masing ditentukan pada permulaan pajakan. Kadar diskaun yang digunakan dalam mengira nilai semasa bayaran pajakan minimum adalah kadar keuntungan yang terkandung dalam pajakan, jika praktikal untuk ditentukan; jika tidak, kadar pembiayaan tambahan pemajak digunakan. Sebarang kos langsung awal pajakan ditambah kepada jumlah yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak. Caj kewangan diperuntukkan kepada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar keuntungan berkala yang tetap atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.10 Pajakan Kewangan dan Operasi (Samb.)

(a) Perakaunan Pajakan (Samb.)

Aset pajakan yang dipermodalkan diklasifikasikan mengikut ciri dan diambil kira mengikut Piawaian dalam MPERS. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa penyewa akan mendapat pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai lebih pendek antara tempoh pajakan dan jangka hayat kegunaannya.

(b) Pajakan operasi

Koperasi tidak memodalkan aset yang dipajak atau mengiktiraf liabiliti pajakan bagi pajakan operasi. Sebaliknya, bayaran pajakan di bawah pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan kecuali terdapat asas sistematik yang lain yang lebih menggambarkan corak masa manfaat pengguna.

(c) Pajakan tanah dan bangunan

Bagi pajakan yang merangkumi unsur-unsur tanah dan bangunan, koperasi menilai klasifikasi setiap elemen sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi secara berasingan mengikut petunjuk dalam Seksyen 20 Pajakan MPERS. Bayaran pajakan minimum (termasuk mana-mana bayaran pendahuluan sekaligus) diperuntukkan antara elemen tanah dan bangunan dalam pengagihan kepada nilai saksama relatif bagi kepentingan pajakan dalam elemen tanah dan elemen bangunan pajakan pada permulaan pajakan. Jika sebahagian besar semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan telah dipindahkan kepada penerima pajak, tanah dan bangunan pegangan pajakan dianggap sebagai pajakan kewangan dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Pajakan jangka pendek tanah dan bangunan dianggap sebagai pajakan operasi dan aset asas dipajak tidak dipermodalkan. Sebarang pembayaran pendahuluan pajakan diklasifikasikan sebagai bayaran pajakan prabayar, aset tidak ketara yang berdasarkan ciri hak guna aset.

4.11 Cukai

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun kewangan semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.11 Cukai (Samb.)

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh cukai, dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan akan dikredit cukai belum digunakan dan kredit cukai sebelum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai. Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan komunikasi pemiagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi pemiagaan yang merupakan pengambil alihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah atau muhibah negatif yang terhasil.

4.12 Manfaat Pekerja

(a) **Manfaat Pekerja Jangka Pendek**

Gaji, upah, bonus, cuti tahunan berbayar, cuti rawatan dan keuntungan yang berbentuk wang diiktiraf sebagai belanja dalam tahun kewangan di mana pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada koperasi.

(b) **Pelan sumbangan tetap**

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia dikehendaki menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan ini diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan ini dibayar, koperasi tidak mempunyai sebarang tanggungan masa hadapan.

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.12 Manfaat Pekerja (Samb.)

(c) Manfaat pemberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja diiktiraf hanya selepas persetujuan wakil pekerja atas syarat-syarat yang telah ditetapkan atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan mengenai syarat-syarat tersebut.

Koperasi mengiktiraf sebagai liabiliti apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa hadapan dan perbelanjaan apabila koperasi menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

4.13 Aset Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi tunai di tangan dan di bank. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan yang matang dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pembelian yang sedia ada dan boleh ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

4.14 Peruntukan

Koperasi mengiktiraf liabiliti sebagai peruntukan jika aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan liabiliti adalah tidak pasti dalam bentuk masa atau jumlah.

Peruntukan untuk kos jaminan, kos pemulihan, kos penyusunan semula, kontrak yang membebankan atau tuntutan mahkamah diiktiraf apabila koperasi mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif akibat daripada peristiwa yang lalu, dan yang mana aliran keluar sumber bagi penyelesaian adalah berkemungkinan dan kenyataan boleh percaya bagi anggaran jumlah boleh dibuat. Tiada peruntukan diiktiraf jika syarat ini tidak dipenuhi.

Sebarang pembayaran balik disebabkan oleh peruntukan yang diiktiraf dari pihak balas (seperti pihak insurans) tidak ditolak daripada peruntukan tetapi diiktiraf secara berasingan sebagai aset apabila, dan hanya apabila, pembayaran semula dapat dipastikan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.14 Peruntukan (Samb.)

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan semasa pada akhir tempoh pelaporan. Bagi peruntukan jaminan, hasil yang dijangka bagi sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan berdasarkan kebarangkalian berwajaran adalah digunakan, dengan mengambil kira pengalaman koperasi dalam urus niaga yang sama dan ditambah dengan fakta dan keadaan semasa. Bagi peruntukan pemulihan, di mana kewajipan tunggal diukur, koperasi menggunakan hasil individu yang paling mungkin sebagaimana anggaran terbaik bagi liabiliti dengan merujuk kepada harga semasa caj yang akan dikenakan kontraktor untuk melaksanakan kewajipan itu, dan mengambil kira peristiwa masa depan yang mungkin yang boleh menjejaskan jumlah yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan. Bagi kontrak yang membebankan, peruntukan yang diukur berdasarkan jumlah di mana kos untuk memenuhi kontrak melebihi manfaat. Bagi peruntukan tuntutan mahkamah, hasil yang dijangka berdasarkan kebarangkalian berwajaran digunakan dalam pengukuran, dengan mengambil kira keputusan masa lalu penghakiman mahkamah yang dibuat dalam kes-kes yang serupa dan atas nasihat daripada pakar perundangan.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan dengan menggunakan kadar diskaun yang mencerminkan nilai masa wang dan risiko bahawa hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

4.15 Kos pembiayaan

Kos pembiayaan koperasi termasuk keuntungan atas pembiayaan, liabiliti pajakan kewangan dan perbelanjaan faedah instrumen hutang lain yang dikira menggunakan kaedah keuntungan efektif. Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila berlaku.

4.16 Yuran Masuk

Yuran masuk yang diterima dalam tahun kewangan dikreditkan ke akaun untung rugi sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil Koperasi bilangan 13(4).

4.17 Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil

Pendapatan dari aktiviti pembekalan barangan pejabat dan operasi kedai serbaguna (runcit) diiktiraf apabila keluaran dihantar kepada pelanggan. Pendapatan dari pembiayaan anggota diiktiraf pada asas akrual. Koperasi mengukur hasil daripada jualan barangan atau perkhidmatan pada nilai saksama bagi imbalan yang diterima atau boleh diterima, yang kebiasaannya harga invoice selepas ditolak diskaun dagangan dan rebat yang diberikan kepada pelanggan dalam urus niaga jualan atau perkhidmatan. Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila: (a) Koperasi telah memindahkan kepada pembeli risiko dan ganjaran ketara pemilikan barang-barang; (b) Koperasi mengekalkan untuk tidak meneruskan penglibatan pengurusan pada tahap kebiasaannya dikaitkan dengan pemilikan atau tanpa kawalan efektif ke atas barangan yang dijual; (c) Amaun hasil boleh diukur dengan pasti; (d) terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada koperasi; dan (e) kos yang sudah atau akan berlaku berkenaan dengan transaksi tersebut boleh diukur dengan pasti.

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

4.17 Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil (Samb.)

Bagi menjadikan sesuatu perkhidmatan pembinaan atau untuk perkhidmatan kontrak hartanah dengan pelanggan yang dilakukan dari masa ke masa, apabila hasil kontrak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil diiktiraf dari masa ke masa dengan merujuk kepada peringkat siap kontrak pada akhir tempoh pelaporan. Kaedah yang digunakan untuk mengukur peringkat siap adalah dengan membahagikan kos hingga pada tarikh semasa kepada jumlah anggaran kos kontrak. Apabila hasil daripada kontrak perkhidmatan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil diiktiraf hanya setakat perbelanjaan diiktiraf, yang boleh diperolehi semula.

Lain-lain pendapatan koperasi adalah diiktiraf menggunakan asas berikut:

- (a) Pendapatan keuntungan daripada instrumen hutang diiktiraf menggunakan kaedah-kaedah efektif.
- (b) Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh perjanjian sewaan yang berkaitan.
- (c) Dividen daripada pelaburan ekuiti diiktiraf apabila hak koperasi, sebagai pemegang saham penerima pelaburan, telah wujud, yang mana merupakan tarikh dividen telah dibenarkan sewajarnya.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

5.1 Pertimbangan

Dalam pemilihan dasar-dasar perakaunan koperasi, perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan penting adalah seperti yang berikut:

(a) Klasifikasi Pajak Kewangan dan Pajak Operasi

Koperasi mengklasifikasikan pajak sebagai pajak kewangan atau pajak operasi berdasarkan kriteria sejauh mana kedudukan risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset. Sebagai penerima pajak, koperasi mengiktiraf pajak sebagai pajak kewangan jika ia terdedah kepada risiko dan ganjaran yang ketara yang berkaitan dengan pemilikan aset sandaran. Dalam menggunakan pertimbangan, koperasi mempertimbangkan sama ada terdapat insentif ekonomi yang ketara untuk menjalankan pilihan pembelian atau mana-mana pilihan tempoh pembaharuan. Pajak diklasifikasikan sebagai pajak kewangan jika tempoh pajak adalah untuk sekurang-kurangnya 75% jangka hayat ekonomi aset sandaran, nilai kini bayaran pajak adalah sekurang-kurangnya 90% daripada nilai saksama aset sandaran, atau aset yang dikenal pasti dalam pajak adalah aset khusus yang hanya boleh digunakan secara berkesan oleh penerima pajak. Semua pajak lain yang tidak mengakibatkan pemindahan risiko dan ganjaran ketara diklasifikasikan sebagai pajak operasi.

Koperasi mengklasifikasikan pajak tanah sebagai pajak kewangan jika nilai saksama tanah pegangan pajak adalah 90% atau lebih daripada nilai saksama tanah pegangan bebas yang setara atau jika tempoh pajak, yang ditentukan pada permulaan pajak, adalah 50 tahun atau lebih. Pajak tanah yang tidak memenuhi mana-mana kriteria ini dikelaskan sebagai pajak operasi.

(b) Klasifikasi Hartanah Pelaburan

Sesetengah hartanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan nilai modal atau untuk kedua-duanya, manakala bakinya dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan/atau peningkatan nilai modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan sebagai pajak kewangan), koperasi menganggap bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan/atau peningkatan nilai modal tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara harta yang dipegang digunakan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sama ada apa-apa perkhidmatan sampingan adalah ketara bahawa harta tersebut tidak layak dianggap sebagai hartanah pelaburan.

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN (SAMB.)

5.2 Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Bidang atau barangan yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran ketara koperasi adalah seperti yang berikut:

(a) Pengukuran Peruntukan

Koperasi menggunakan "anggaran terbaik" sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pihak pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman sejarah koperasi dan input lain atau andaian, perkembangan terbaru dan peristiwa masa depan yang munasabah dalam hal keadaan tertentu. Dalam kes dimana peruntukan yang berkaitan dengan populasi besar pelanggan (seperti peruntukan jaminan), suatu anggaran kebarangkalian berlawanan aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan adalah digunakan. Dalam hal anggaran tunggal (seperti peruntukan untuk kos pemulihan alam sekitar), harga atau pasaran harga kontraktor yang dirujuk digunakan sebagai anggaran terbaik. Jika kewajipan adalah perlu diselesaikan dari masa ke semasa, aliran keluar yang dijangka akan didiskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko yang mana hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini mungkin memberi kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan dan keputusan koperasi.

(b) Menentukan Nilai Gunaan

Dalam menentukan nilai gunaan aset secara berasingan atau unit penjana tunai, pengurusan menggunakan input yang munasabah dan disokong berkenaan jualan, kos jualan dan perbelanjaan lain berdasarkan pengalaman lalu, peristiwa semasa dan perkembangan masa depan yang mungkin. Aliran tunai diunjur berasaskan input tersebut dan didiskaunkan pada kadar diskaun yang sesuai. Hasil atau peristiwa sebenar mungkin tidak bertepatan dengan input atau andaian dan kadar diskaun yang digunakan dalam pengukuran, dan ini akan memberi kesan yang ketara ke atas kedudukan kewangan dan keputusan koperasi.

(c) Kemosrotan atau Pengurangan Nilai Inventori Tiada Pergerakan dan Usang

Koperasi mengurangkan nilai bagi inventori tiada pergerakan dan usang berdasarkan penilaian nilai saksama ditolak kos jualan. Inventori dikurangkan nilai apabila peristiwa dan keadaan menunjukkan bahawa jumlah nilai dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Pihak pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menganalisa corak jualan lalu dan corak ekonomi semasa untuk menilai kerugian kemosrotan secukupnya bagi inventori tiada pergerakan dan usang. Kerugian kemosrotan nilai sebenar hanya boleh disahkan dalam jualan berikutnya bagi inventori tersebut dan ini mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat sebelum ini. Ini boleh memberi kesan ke atas kedudukan kewangan dan keputusan koperasi.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

5.2 Ketidakpastian Anggaran (Samb.)

(d) Peruntukan Rugi Aset Kewangan

Koperasi mengiktiraf kerugian kemerosotan nilai bagi pembiayaan dan penghutang menggunakan model kerugian ditanggung. pembiayaan dan penghutang ketara diuji untuk rosot nilai secara berasingan dengan menganggarkan aliran tunai yang dijangka boleh diperolehi semula. Semua pembiayaan dan lain-lain penghutang dikategorikan ke dalam kelas risiko kredit dan diuji untuk rosot nilai secara kolektif, dengan menggunakan pengalaman lalu koperasi berkenaan statistik kerugian, pengumuran jumlah masa lalu dan corak ekonomi semasa. Kerugian akhir sebenar mungkin berbeza daripada peruntukan dibuat dan ini boleh memberi kesan ke atas kedudukan kewangan dan keputusan koperasi.

(e) Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau satu lagi kaedah yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat ekonomi aset sepanjang jangka hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, jangka hayat dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan akhir sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

(f) Pengukuran Cukai Pendapatan

Koperasi beroperasi di pelbagai bidang kuasa dan tertakluk kepada cukai pendapatan di setiap bidang kuasa. Penghakiman penting diperlukan dalam menentukan peruntukan koperasi untuk cukai semasa dan tertunda kerana liabiliti cukai akhir untuk keseluruhan koperasi tidak dapat dipastikan. Apabila hasil akhir cukai yang perlu dibayar ditentukan oleh pihak berkuasa cukai dalam setiap bidang kuasa, amaun yang perlu dibayar mungkin berbeza daripada anggaran awal peruntukan cukai. Perbezaan sedemikian boleh mempengaruhi cukai semasa dan tertunda dalam tempoh penentuan sedemikian dibuat.

Koperasi akan menyesuaikan dengan perbezaan kerana cukai semasa atau tertunda di bawah peruntukan semasa atau kurang tertakluk dalam tempoh semasa di mana perbezaan tersebut timbul.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 1.1.2025 RM	Tambahannya RM	(Hapuskira)/ Pengkelasan semula RM	Pada 31.12.2025 RM
Kos				
Kenderaan	85,628	-	-	85,628
Komputer, mesin kira dan telefon	1,512,536	592,079	(203,898)	1,900,717
Papan tanda	251,971	9,205	(1,105)	260,071
Penghawa dingin	21,100	7,817	(267)	28,650
Perabot dan kelengkapan	741,623	55,660	(13,865)	783,418
Perkakas	2,076,862	315,390	(68,951)	2,323,301
Tanah pegangan bebas	545,000	-	-	545,000
Ubah suai	5,781,773	80,742	(11,000)	5,851,514
Emas	1,900	-	-	1,900
Solar	-	89,200	-	89,200
	11,018,393	1,150,093	(299,086)	11,869,400

	Pada 1.1.2025 RM	Tambahannya RM	(Hapuskira)/ Pengkelasan semula RM	Pada 31.12.2025 RM
Susut nilai dan kerugian kemosotan nilai terkumpul				
Kenderaan	85,627	-	-	85,627
Komputer, mesin kira dan telefon	777,662	307,696	-	1,085,358
Papan tanda	131,971	38,747	-	170,718
Penghawa dingin	7,384	4,883	-	12,267
Perabot dan kelengkapan	407,137	91,416	-	498,553
Perkakas	1,393,588	276,440	-	1,670,028
Ubah suai	4,302,611	675,152	(1,833)	4,975,930
Emas	-	-	-	-
Solar	-	2,230	-	2,230
	7,105,980	1,396,564	(1,833)	8,500,711

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	2025 RM	2024 RM
Nilai pembawa		
Kenderaan	1	1
Komputer, mesin kira dan telefon	815,359	734,874
Papan tanda	89,353	120,000
Penghawa dingin	16,383	13,716
Perabot dan kelengkapan	284,865	334,486
Perkakas	653,273	683,274
Tanah pegangan bebas	545,000	545,000
Ubah suai	875,585	1,479,162
Emas	1,900	1,900
Solar	86,970	-
	<u>3,368,689</u>	<u>3,912,414</u>

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan koperasi adalah kenderaan bermotor dengan jumlah bawaan bersih RM1 (2024: RM1).

7. MUHIBBAH (GOODWILL)

	2025 RM	2024 RM
Kos		
MOCCIS	187,416	220,490
KOSIMPAN	46,667	50,000
	<u>234,083</u>	<u>270,490</u>
	2025 RM	2024 RM
Pelunasan		
MOCCIS	44,098	33,073
KOSIMPAN	10,000	3,334
	<u>54,098</u>	<u>36,407</u>
	2025 RM	2024 RM
Nilai pembawa		
MOCCIS	143,318	187,416
KOSIMPAN	36,667	46,667
	<u>179,985</u>	<u>234,083</u>

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

No. Koperasi: 4958

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

7. MUHIBBAH (GOODWILL) (SAMB.)

Muhibbah yang dibayar kepada Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS) dan Koperasi Simpanan & Kredit Bersatu Berhad (KOSIMPAN) adalah jumlah yang dinilai semasa pengambilalihan berdasarkan reputasi perniagaan Ar-Rahnu yang telah beroperasi dan menjaga hubungan bersama pelanggan.

8. PELABURAN DALAM USAHA SAMA

	2025	2024
	RM	RM
i) Usaha sama Projek Perumahan Taman Irma Sekata - Irma Worldwide	-	2,500,000
ii) Usaha sama Projek Perumahan Sekata Mawar - PTT Synergy	3,350,000	3,350,000
iii) Usaha sama Projek Perumahan Villa Bukit Negeri - Goodmode Equity	12,500,000	12,500,000
iv) Usaha sama Projek Perindustrian Kota Elmina - PTT Synergy	76,163,279	76,163,279
	<u>92,013,279</u>	<u>94,513,279</u>
Baki pada 31 Disember	<u>92,013,279</u>	<u>94,513,279</u>

Kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM") telah diterima pada 19 April 2024 (No Rujukan : SKM.IP. (UU) : 3608/1A JLD.2 (8))

 - 4.2.1 Pembangunan dan penyewaan Gudang di Sekata E-Logistik Park, Pontian, Johor sebanyak RM260juta.
 - 4.2.2 Pembangunan Projek Usahasama di Bandar Bukit Raja, Klang, Selangor sebanyak RM74juta.
 - 4.2.3 Pembangunan Projek Usahasama di Lata Gapi Residensi di Antara Gapi, Rawang, Selangor sebanyak RM25juta.
 - 4.2.4 Pelaburan dan Pembelian Hotel di Kuala Terengganu City Centre (KTCC), Kuala Terengganu, Terengganu sebanyak RM309juta.
 - 4.2.5 Pelaburan dan Pembangunan Projek Perindustrian di Kemaman Port, Kemaman, Terengganu sebanyak RM500juta.
 - 4.2.6 Lain-lain projek yang ditawarkan sekiranya berpotensi.
- 4.3 Pelaburan perlulah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia terlebih dahulu (sekiranya perlu) seperti yang dinyatakan di bawah Garis Panduan 16 – Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi di bawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993.

5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 9

MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

CADANGAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN SEKATARAKYAT

1.0 TUJUAN

Cadangan ini bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 bagi menaikkan had maksimum keterhutangan Sekatarakyat kepada RM10.0bilion.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 22 Februari 2025 telah meluluskan permohonan Lembaga Pengarah Sekatarakyat untuk menaikkan had keterhutangan maksimum Sekatarakyat kepada RM5bilion.

2.2 Hutang luar yang telah diterima pada tahun 2025 berjumlah RM3.67bilion, tidak melebihi had RM5bilion yang diluluskan oleh MAP yang lalu. Butirannya seperti yang berikut:

BIL	PERKARA	TUJUAN	RM
1	Baki Pembiayaan Berjangka sehingga 31 Disember 2025	•Pembiayaan Anggota •Pembiayaan Ar-Rahnu •Pelaburan Hartanah	1,656,884,212
2	Baki Dana yang belum digunakan sehingga 31 Disember 2025		
	a) Bank Islam Malaysia Berhad - OD RM50JUTA	Pembiayaan Ar-Rahnu	50,247
	b) Bank Islam Malaysia Berhad - OD RM20JUTA	Pembiayaan Ar-Rahnu	697,983
	c) Bank Islam Malaysia Berhad - OD RM100JUTA	Pembiayaan Ar-Rahnu	14,984,189
	d) Bank Islam Malaysia Berhad - Sukuk RM2BILION	Pembiayaan Ar-Rahnu	2,000,000,000
JUMLAH			3,672,616,631

2.3 Hutang luar yang diperlukan bagi tahun 2026 dijangka berjumlah RM10bilion, seperti yang berikut:

BIL	PERKARA	TUJUAN	RM
1	Baki Pembiayaan Berjangka sehingga 31 Disember 2025	•Pembiayaan Anggota •Pembiayaan Ar-Rahnu •Pelaburan Hartanah	1,656,884,212
2	Baki Dana yang belum digunakan sehingga 31 Disember 2025		
	a) Bank Islam Malaysia Berhad - OD RM50JUTA	Pembiayaan Ar-Rahnu	50,247
	b) Bank Islam Malaysia Berhad - OD RM20JUTA	Pembiayaan Ar-Rahnu	697,983
	c) Bank Islam Malaysia Berhad - OD RM100JUTA	Pembiayaan Ar-Rahnu	14,984,189
	d) Bank Islam Malaysia Berhad - Sukuk RM2BILION	Pembiayaan Ar-Rahnu	2,000,000,000

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

3	a) Sukuk Baru - RM5BILION	Pembiayaan Ar-Rahnu	5,000,000,000
	b) Rizab keterhutangan 2026	•Pembiayaan Anggota •Pelaburan Hartanah	1,327,383,369
JUMLAH			10,000,000,000

3.0 CADANGAN

Lembaga Pengarah mencadangkan supaya had maksimum keterhutangan Sekatarakyat dinaikkan kepada RM10.0bilion bagi menampung unjuran pengeluaran pembiayaan kepada anggota-anggota Sekatarakyat, peminjam-peminjam Ar-Rahnu serta lain-lain projek yang telah dirancang oleh Sekatarakyat, manakala selebihnya akan digunakan apabila terdapat keperluan kelak.

4.0 ALASAN CADANGAN

4.1 Oleh yang demikian, berdasarkan kepada jumlah yang dinyatakan di atas, had keterhutangan sedia ada adalah dinaikkan bagi memastikan Sekatarakyat dapat bergerak lancar dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya dan seterusnya dapat memberikan pulangan yang menguntungkan kepada anggota-anggotanya dalam bentuk dividen tahunan, manfaat-manfaat, kemudahan yang disediakan dan sebagainya.

4.1 Mengambil kira jangkaan penerimaan pembiayaan seperti yang berikut:

4.1.1 Program Sukuk yang diterbitkan sebanyak RM2Bilion.

4.1.2 Dana pembiayaan bagi pelaburan Projek Baru sebanyak RM359juta.

4.1.3 Cadangan penerbitan Sukuk baru berjumlah RM5Bilion.

a) Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah menawarkan penerbitan Sukuk berjumlah RM5Bilion.

b) Perbincangan lanjut bersama pihak BMMB telah diadakan pada 19/11/2025.

c) Pihak BMMB telah menghantar garis masa secara terperinci termasuk kos bagi penerbitan Sukuk dan Draf Surat Mandat untuk dipersetujui oleh Sekatarakyat pada 31/12/2025.

d) Pengurusan dalam proses kajian dan meneliti Draf Surat Mandat sebelum di bawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 28/2/2026.

5.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 dipohon supaya meluluskan had keterhutangan sebanyak RM10bilion bagi tahun 2026.

PERKARA 10

**PELANTIKAN JAWATANKUASA PENENTUSAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG
KALI KE TIGA PULUH (KE-30)**

CADANGAN MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA ATAU PERWAKILAN DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2026 KALI KE-30

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan untuk memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 bagi melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota atau perwakilan dan empat orang anggota Lembaga Pengarah untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 kali ke-30.

2.0 LATAR BELAKANG

Bermula dari MAP yang telah diadakan pada 19 Februari 2011, mesyuarat bersetuju supaya perlantikan jawatankuasa tersebut dimaklumkan pada awal mesyuarat bagi membolehkan anggota jawatankuasa yang dilantik menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat supaya boleh meneliti draf minit yang disediakan agar tepat.

3.0 CADANGAN

Atas alasan yang sama seperti di Perkara 2.0, Lembaga Pengarah mencadangkan anggota-anggota perwakilan seperti yang berikut dilantik sebagai anggota Jawatankuasa penentusahan draf Minit MAP 2026 kali ke-30, seperti yang berikut:-

BIL	NAMA PERWAKILAN	NO. ANGGOTA	KAWASAN
1	Pengerusi Sekatarakyat	-	ALP
2	Setiausaha Kehormat	-	ALP
3	Saliman Zainal	955	ALP
4	Mohd Khuzaini Ab Ghani	1815	ALP
5	Abdul Lidzam Muhamad Alias	1138	1
6	Nor Laily Nor Anuar	1756	1
7	Mohamad Thuairi Mohamad Tayeb	2167	1
8	Mohd. Hanafiah Mohd. Nawawi	3162	1
9	Kalthom Ali	4033	1
10	Pengerusi Mesyuarat	-	-

*** Nota : semua calon telah dihubungi dan bersetuju dengan pelantikan*

4.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 11

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN
KEWANGAN 2025**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN 2025

(i) Cadangan Tabung Persaraan Kakitangan

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan peruntukan bagi Tabung Persaraan Kakitangan berjumlah **RM390,000** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.
- b) Maklumat Tabung Persaraan Kakitangan yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Keuntungan sebelum cukai	Peruntukan dicadangkan	Peruntukan diluluskan oleh MAP	Peruntukan diluluskan oleh MAP
	RM	RM	%	RM
2008	5,717,780		2	97,202
2009	7,470,637		2	112,059
2010	6,646,741		2	112,995
2011	8,006,827		2	136,116
2012	10,744,343		2	183,311
2013	14,060,163		2	206,614
2014	14,242,350		2	219,808
2015	15,424,719		2	233,820
2016	18,678,354		2	282,532
2017	16,374,476		2	256,799
2018	17,860,071		2	281,368
2019	19,631,108		-	-
2020	15,725,646		-	-
2021	19,741,128		2	348,837
2022	1,709,668		-	250,000
2023	28,034,289		-	253,000
2024	40,325,735		-	320,000
2025	45,853,886	390,000	-	

- c) Pergerakan tabung tersebut sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Bayaran kepada kakitangan	Peruntukan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	Keuntungan dari Pelaburan / Pelarasan	Baki Tabung
	RM	RM	RM	RM
2008		112,059		829,611
2009	46,800	112,059		883,435
2010		112,995		996,430
2011		136,116		1,132,546
2012	39,840	183,311		1,276,017

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

2013		206,614		1,482,631
2014		219,808		1,702,439
2015	104,583	233,820		1,831,676
2016		282,532		2,114,208
2017		256,799		2,371,007
2018	122,751	281,368		2,529,624
2019		-		2,529,624
2020		-	235,084	2,764,708
2021		348,837	10,209	3,123,754
2022	19,475	250,000	49,704	3,403,983
2023	61,769	253,000	84,568	3,679,782
2024		320,000	10,484	4,010,266
2025	493,875	390,000		3,906,391

(ii) Cadangan Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Lembaga Pengarah mecadangkan peruntukan bagi Tabung Khairat Kematian dan Kebajikan Anggota berjumlah **RM1,000,000** berdasarkan andaian jumlah anggota seramai 6,672 orang. Peruntukan ini merupakan bayaran bagi saguhati Hari Raya kepada anggota dengan jumlah sebanyak RM200 setiap orang.
- b) Maklumat Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut:-

Tahun	Keuntungan sebelum cukai (RM)	Peruntukan diluluskan oleh MAP (%)	Jumlah (RM)
2008	5,717,780	2	97,202
2009	7,470,637	2	112,059
2010	6,646,741	2	112,995
2011	8,006,827	2	136,116
2012	10,744,343	2	183,311
2013	14,060,163	2	206,614
2014	14,242,350	2	219,808
2015	15,424,719	2	233,820
2016	18,678,354	2	282,532
2017	16,374,476	2	256,799
2018	17,860,071	2	281,368
2019	19,631,108	2	310,395
2020	15,725,646	2	272,752
2021	19,741,128	2	368,161
2022	1,709,668	2	12,009
2023	28,034,289	2	471,643
2024	40,325,735	2	695,668
2025	45,853,886	-	1,000,000

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- c) Pergerakan tabung tersebut sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Bayaran kepada anggota	Tambahan Peruntukan Dari Akaun Pembahagian Keuntungan	Baki Tabung
	RM	RM	RM
			156,742
2008	80,600	97,202	173,344
2009	82,435	112,059	202,968
2010	85,450	112,995	230,513
2011	94,200	136,116	272,429
2012	63,700	183,311	392,040
2013	79,700	206,614	518,954
2014	87,800	219,808	650,452
2015	86,490	233,820	797,782
2016	24,500	282,532	1,055,814
2017	49,400	256,799	1,263,213
2018	122,400	281,368	1,422,181
2019	115,400	310,395	1,617,176
2020	106,700	272,752	1,636,829
2021	263,200	348,837	1,722,466
2022	169,099	12,009	1,565,376
2023	151,900	471,643	1,885,119
2024	192,470	695,668	2,388,317
2025	1,452,200	1,000,000	1,936,117

(iii) Cadangan dividen bagi tahun

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan bayaran dividen sebanyak **13.5%** dibayar kepada setiap anggota-anggota Sekatarakyat yang berkelayakan bagi tahun tersebut berjumlah **RM35,400,000** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- b) Maklumat dividen yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Keuntungan sebelum cukai RM	Dividen dicadangkan %	Dividen diluluskan oleh MAP %	Dividen diluluskan oleh SKM %	Jumlah RM
2008	5,717,780		10	10	4,024,026
2009	7,470,637		10	10	4,208,768
2010	6,646,741		10	10	4,463,457
2011	8,006,827		12.5	12.5	5,912,941
2012	10,744,343		13	13	7,521,792
2013	14,060,163		15	15	9,670,348
2014	14,242,350		15	15	10,117,306
2015	15,424,719		15	15	10,991,275
2016	18,678,354		15	15	13,034,194
2017	16,374,476		13.5	13.5	12,156,124
2018	17,860,071		13.5	13.5	13,322,493
2019	19,631,108		14	14	15,022,743
2020	15,725,646		10	10	11,858,047
2021	19,741,128		12	12	15,779,418
2022	1,709,668		1	1	349,293
2023	28,034,289		13	13	22,480,283
2024	40,325,735		13.5	13.5	32,905,718
2025	45,853,886	13.5			35,400,000

(iv) Cadangan Honorarium Lembaga Pengarah

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan Honorarium Lembaga Pengarah berjumlah sebanyak **RM120,000.00** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.
- b) Pada asasnya, koperasi dibenarkan membuat cadangan untuk membayar honorarium dalam dua keadaan iaitu (Rujukan GP22: Garis Panduan Permohonan Pembayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi – Perkara 14 : Had Pembayaran Honorarium) :-
- i. tidak melebihi 10% daripada baki untung bersih teraudit selepas pembahagian berkanun atau RM150,000 mana yang lebih rendah; atau
 - ii. melebihi amaun RM150,000 bagi koperasi yang mematuhi kriteria berikut :-
 - untung bersih teraudit untuk tahun kewangan berkenaan mestilah melebihi RM30 Juta ;

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- pulangan atas ekuiti (return on equity) sekurang-kurangnya pada kadar 8%; dan
- pulangan atas aset (return on asset) sekurang-kurangnya pada kadar 6%.

c) Maklumat honorarium Lembaga Pengarah yang telah diluluskan sejak tahun 2008 adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Keuntungan sebelum cukai RM	Peruntukan dicadangkan RM	Peratusan Peruntukan dicadangkan %	Peruntukan diluluskan oleh MAP RM
2008	5,717,780		2.50%	121,503
2009	7,470,637		1.50%	110,000
2010	6,646,741		1.60%	110,000
2011	8,006,827		1.40%	110,000
2012	10,744,343		1.00%	110,000
2013	14,060,163		0.78%	110,000
2014	14,242,350		0.77%	110,000
2015	15,424,719		0.71%	110,000
2016	18,678,354		0.59%	110,000
2017	16,374,476		0.80%	130,000
2018	17,860,071		0.73%	130,000
2019	19,631,108		0.66%	130,000
2020	15,725,646		0.66%	104,000
2021	19,741,128		-	-
2022	23,115,736		-	-
2023	28,034,289		-	-
2024	40,325,735		0.22%	90,000
2025	45,853,886	120,000	0.26%	

(v) Cadangan Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS)

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Lembaga Pengarah mencadangkan KWPS berjumlah RM660,147 dengan kadar 50% daripada jumlah Modal Syer anggota (RM1,320,293).
- b) Berdasarkan Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (GP23) menyatakan, bagi membolehkan Koperasi menggunakan KWRS untuk membuat pembayaran syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota, Koperasi dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut :-

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- i. Mewujud dan memindahkan sekurang-kurangnya 5% daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke KWPS. Sekiranya KWPS telah mencapai 50% daripada jumlah modal syer anggota, maka pindahan kepada KWPS adalah secara sukarela.
 - ii. Menggunakan KWPS terlebih dahulu sebelum menggunakan KWRS untuk membayar balik syer anggota.
- c) Maklumat tabung Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWRS) yang akan diterbitkan adalah seperti yang berikut :-

Tahun	Keuntungan sebelum cukai RM	Peruntukan dicadangkan RM	Peruntukan diluluskan oleh MAP RM	Jumlah RM
2025	45,853,886	660,147		660,147

**CADANGAN PINDAAN ATURAN TABUNG KHAIRAT & TABUNG KEBAJIKAN
ANGGOTA**

CADANGAN PINDAAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN & TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 untuk Pindaan Tabung Khairat Kematian & Tabung Kebajikan Anggota.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Aturan Tabung Khairat Kematian dan Kebajikan Anggota Sekatarakyat telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan pada tahun 2002. Penggunaan dana Tabung Khairat kematian dan Kebajikan Anggota Sekatarakyat telah bermula pada 22 Jun 2002.
- 2.2 Pada 18 Februari 2025, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan surat pandangan Suruhanjaya di bawah subseksyen 59(2) Akta Koperasi 1993 ke atas Akaun-Akaun dan Kunci Kira-Kira Koperasi berakhir pada 31 Disember 2024.
- 2.3 SKM menyatakan sebarang pembayaran Kebajikan anggota koperasi hendaklah dibuat melalui kumpulan wang/tabung yang diwujudkan daripada keuntungan semasa teraudit koperasi sepertimana kehendak peruntukan di bawah perenggan 57 (5) (d) Akta.
- 2.4 Pada 25 Jun 2025, Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk membuat pindaan Tabung Khairat Kematian dan Tabung Kebajikan Anggota bagi pembayaran sumbangan Hari Raya.
- 2.5 Bagi tahun 2025, jumlah perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM1,270,000 bersamaan 6,350 orang penerima sumbangan Hari Raya sebanyak RM200 bagi setiap anggota.

3.0 CADANGAN

- 3.1 Memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 bagi Pindaan Tabung Khairat Kematian dan Tabung Kebajikan Anggota bagi tambahan sumbangan Hari Raya seperti yang berikut :-

Perkara	Asal	Pindaan
3.0 Syarat-Syarat Permohonan Sumbangan Khairat Kematian & Kebajikan Anggota	3.1 Pemohon telah menjadi anggota sekurang- kurangnya 3 bulan daripada tarikh anggota atau ahli keluarga meninggal dunia atau bencana yang menimpa.	3.1 Tiada pindaan

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

	<p>3.2 Perlu melampirkan dokumen seperti yang berikut :</p> <p>3.2.1 Khairat Kematian</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pemakluman rasmi daripada wakil majikan atauii. Salinan sijil kematian atauiii. Dokumen lain yang boleh membuktikan atau ahli keluarga meninggal dunia atauiv. Laporan polis atau pihak berkuasa <p>3.2.2 Bencana</p> <ul style="list-style-type: none">i. Salinan laporan polis atauii. Gambar berkenaan kejadian bencana atauiii. Surat sokongan daripada Pengurus Wilayah / Sektor / Bahagian / Jabatan / Cawangan	<p>3.2 Perlu melampirkan dokumen seperti yang berikut :</p> <p>3.2.1 Tiada pindaan</p> <p>3.2.2 Tiada pindaan</p> <p>3.2.3 Sumbangan Duit Raya</p> <p>Tiada sebarang dokumen diperlukan tetapi hanya anggota yang status keanggotaannya aktif pada 31 Disember setiap tahun dan mengekalkan keanggotaannya sehingga tarikh sumbangan dibayar layak menerima sumbangan.</p>
--	---	--

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

<p>4.0 Jenis-Jenis Sumbangan di Bawah Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota</p>	<p>4.1 Kategori Sumbangan Khairat Kematian</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Anggota : RM1,000.00 ii. Pasangan : RM 500.00 iii. Anak-Anak : RM 500.00 iv. Ibu Bapa Kandung : RM 500.00 v. Ibu Bapa Mentua : RM 300.00 <p>4.2 Kategori Bencana</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kebakaran rumah : RM1,000.00 ii. Rumah yang didiami dilanda banjir : RM1,000.00 iii. Rumah yang didiami musnah kerana tanah runtuh: RM1,000.00 iv. Bagi lain-lain bencana yang tidak terdapat dalam kategori (i – iii) : RM100.00 	<p>4.1 Tiada pindaan</p> <p>4.2 Tiada pindaan</p> <p>4.3 Kategori Sumbangan Hari Raya</p> <p>Jumlah sumbangan bergantung kepada kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah berdasarkan kemampuan koperasi pada setiap tahun yang berkenaan.</p>
<p>5.0 Kelulusan Permohonan</p>	<p>Kelulusan permohonan sumbangan Khairat dan Kebajikan Anggota hanya boleh dilaksanakan oleh Anggota Lembaga Pengarah atau Pengurusan Tertinggi dan perlu dibentangkan didalam Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah.</p>	<p>5.1 Tiada pindaan</p>

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

		5.2 Kelulusan sumbangan duit raya anggota hanya boleh diluluskan menerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah.
6.0 Bayaran Kepada Anggota	6.1 Bayaran sumbangan Khairat Kematian Anggota akan dikreditkan ke akaun penama atau waris anggota.	6.1 Tiada pindaan
	6.2 Bayaran sumbangan Khairat Kematian ahli keluarga Anggota dan lain-lain sumbangan bencana akan dikreditkan ke akaun Tabungan anggota.	6.2 Tiada pindaan
		6.3 Bayaran sumbangan hari raya akan dikreditkan ke akaun Tabungan anggota.

3.2 Sumbangan dibayar bergantung kepada kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah berdasarkan kemampuan kedudukan kewangan koperasi.

3.3 Aturan Tabung Khairat Kematian dan Kebajikan Anggota Sekatarakyat selepas pindaan adalah seperti di Lampiran.

3.4 Berdasarkan Belanjawan 2026, jumlah diperuntukkan bagi agihan keuntungan selepas Cukai dan Zakat sebanyak RM1,500,000 bagi Tabung Khairat Kematian dan Tabung Kebajikan Anggota adalah seperti yang berikut :-

3.4.1 Sumbangan Hari Raya sebanyak RM200 kepada 7,070 orang anggota = RM1,414,000

3.4.2 Sumbangan Khairat Kematian Anggota dan Keluarga serta sumbangan Bencana(Kebakaran/Banjir/Tanah Runtuh/Lain-Lain Bencana) sebanyak RM86,000

4.0 RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 dipohon meluluskan cadangan ini.

**ATURAN
TABUNG KHAIRAT KEMATIAN
DAN KEBAJIKAN ANGGOTA**

**KOPERASI
KAKITANGAN BANK RAKYAT
(SEKATARAKYAT 4958)**

**ATURAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN & KEBAJIKAN ANGGOTA
KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (SEKATARAKYAT)**

SUSUNAN ATURAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN & KEBAJIKAN ANGGOTA

1. Nama
2. Tujuan Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota
3. Syarat-Syarat Permohonan Sumbangan Khairat Kematian & Kebajikan Anggota
4. Jenis-Jenis Sumbangan dibawah Tabung Khairat Kematian dan Kebajikan Anggota
5. Kelulusan Permohonan
6. Bayaran Kepada Pemohon

1.0 Nama

Aturan ini dinamakan sebagai "Aturan Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota Sekatarakyat"

2.0 Tujuan

Tabung ini diwujudkan sebagai kemudahan bagi menyalurkan sumbangan Sekatarakyat atas kehilangan anggota, ahli keluarga atau pun bencana yang dihadapi serta lain-lain sumbangan kepada anggota.

3.0 Syarat-Syarat Permohonan Sumbangan Khairat Kematian & Kebajikan Anggota

3.1 Pemohon telah menjadi anggota sekurang-kurangnya 3 bulan daripada tarikh anggota atau ahli keluarga meninggal dunia atau bencana yang menimpa.

3.2 Perlu melampirkan dokumen seperti yang berikut :

3.2.1 Khairat Kematian

- i. Pemakluman rasmi daripada wakil majikan *atau*
- ii. Salinan sijil kematian *atau*
- iii. Dokumen lain yang boleh membuktikan anggota atau ahli keluarga meninggal dunia *atau*
- iv. Laporan polis atau pihak berkuasa

3.2.2 Bencana

- i. Salinan laporan polis *atau*
- ii. Gambar berkenaan kejadian bencana *atau*
- iii. Surat sokongan daripada Pengurus Wilayah / Sektor / Bahagian / Jabatan / Cawangan

3.2.3 Sumbangan Hari Raya

Tiada sebarang dokumen diperlukan tetapi hanya anggota yang status keanggotaannya aktif pada 31 Disember setiap tahun dan mengekalkan keanggotaannya sehingga tarikh sumbangan dibayar layak menerima sumbangan.

4.0 Jenis-Jenis Sumbangan di Bawah Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota

4.1 Kategori Sumbangan Khairat Kematian

- i. Anggota : RM1,000.00

- ii. Pasangan : RM 500.00
- iii. Anak-Anak : RM 500.00
- iv. Ibu Bapa Kandung : RM 500.00
- v. Ibu Bapa Mentua : RM 300.00

4.2 Kategori Bencana

- i. Kebakaran rumah : RM1,000.00
- ii. Rumah yang didiami dilanda banjir : RM1,000.00
- iii. Rumah yang didiami musnah kerana tanah runtuh : RM1,000.00
- iv. Bagi lain-lain bencana yang tidak terdapat dalam kategori (i – iii) : RM100.00

4.3 Kategori Sumbangan Hari Raya

Jumlah sumbangan bergantung kepada kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah berdasarkan kemampuan koperasi pada setiap tahun yang berkenaan.

5.0 Kelulusan permohonan

- 5.1 Kelulusan permohonan sumbangan khairat dan bencana anggota hanya boleh dilaksanakan oleh Anggota Lembaga Pengarah atau Pengurusan Tertinggi dan perlu dibentangkan didalam Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah.
- 5.2 Kelulusan sumbangan duit raya anggota hanya boleh diluluskan menerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah.

6.0 Bayaran Kepada Anggota

- 6.1 Bayaran sumbangan khairat kematian anggota akan dikreditkan ke akaun penama atau waris anggota.
- 6.2 Bayaran sumbangan khairat kematian ahli keluarga anggota dan lain-lain sumbangan bencana akan dikreditkan ke akaun Tabungan anggota.
- 6.3 Bayaran sumbangan hari raya akan dikreditkan ke akaun Tabungan anggota.

CADANGAN MEWUJUDKAN ATURAN KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER

CADANGAN MEWUJUDKAN “ATURAN KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER”

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 bagi mewujudkan “Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer” (KWPS).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pada 18 Februari 2025, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengeluarkan pandangan Suruhanjaya di bawah Subseksyen 59 (2) Akta Koperasi 1993 ke atas Akaun-Akaun dan Kunci Kira-Kira Koperasi berakhir pada 31 Disember 2024 dengan menyatakan di Perkara (a) seperti yang berikut:

- (a) Didapati penebusan dan penjualan modal syer anggota tidak dibuat melalui akaun Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) sepertimana yang dinyatakan dalam undang-undang kecil koperasi dan para 60.9, GP 23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 (GP 23).

Untuk makluman, catatan-catatan perakaunan yang terlibat hendaklah dibuat seperti yang berikut:

Anggota Berhenti (Penebusan Syer)

Dt	Kumpulan Wang Penebusan Syer		xx
	Kt Bank		xx
Dt	Modal Syer	xx	
	Kt Modal Syer Ditebus		xx

Anggota Baru / Tambah Syer (Penjualan Syer)

Dt	Bank	xx	
	Kt Kumpulan Wang Penebusan Syer		xx
Dt	Modal Syer Ditebus	xx	
	Kt Modal Syer		xx

Jika modal syer ditebus telah menjadi sifar, maka catatan perakaunan untuk syer yang dijual seterusnya bolehlah dibuat secara terus dengan akaun modal syer anggota seperti yang berikut:

Dt	Bank	xx	
	Kt Modal Syer		xx

Sebagai permulaan, koperasi boleh mewujudkan KWPS ini melalui pengagihan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan. Sila pastikan koperasi melaksanakan catatan perakaunan seperti di atas pada tahun kewangan akan datang.

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

- 2.2 Lembaga Pengarah berpandangan Sekatarakyat perlu mewujudkan Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer untuk menjadikan garis panduan dan sebagai urusan pentadbiran.
- 2.3 Walau bagaimanapun, di pelaporan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2025, pengurusan telah merekodkan di Kunci Kira-Kira bahagian Ekuiti- Kumpulan Wang Anggota dan Nota-nota kepada Penyata Kewangan seperti yang berikut:

Petikan Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
DIBIAYAI OLEH :			
Modal Syer Anggota	23	1,320,293	1,250,940
Modal Yuran Anggota	24	270,014,274	251,290,018
Modal Syer Ditebus	25	-	-
Kumpulan Wang Penebusan Syer	26	660,147	-
Rizab Nilai Saksama - Pelaburan Hartanah	27	15,964,139	23,249,889
Rizab Nilai Saksama - Pelaburan Syer	28	91,946	105,001
Akaun Penyamaan Dividen	29	900,000	900,000
Tabung Khairat Kematian & Kebajikan Anggota	30	1,936,117	2,388,317
Tabung Penebusan Pembiayaan	31	-	64,335
Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan	32	1,784,813	1,855,313
Tabung Persaraan Kakitangan	33	3,906,391	4,010,266
Keuntungan Terkumpul		11,545,542	9,846,523
KUMPULAN WANG ANGGOTA		308,123,662	294,960,602

Petikan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan - 31 Disember 2025

25. MODAL SYER DITEBUS			
		2025 RM	2024 RM
Baki pada 1 Januari		-	-
Pindahan daripada Akaun Modal Syer Anggota		9,957	-
		9,957	-
Tolak: Pindahan ke Akaun Kumpulan Wang Penebusan Syer		(9,957)	-
Baki pada 31 Disember		-	-
26. KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER			
		2025 RM	2024 RM
Baki pada 1 Januari		-	-
Tambahan dalam tahun		9,957	-
Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan		660,147	-
		670,104	-
Tolak: Syer ditebus dalam tahun		(9,957)	-
Baki pada 31 Disember		660,147	-

- 2.4 Juruaudit Luar (Jamal Amin & Partners) juga telah mengesahkan transaksi bagi Modal Syer Ditebus dan Kumpulan Wang Penebusan Syer di Laporan Tahunan & Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2025.

3.0 CADANGAN

- 3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan untuk mewujudkan Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer sebagai garis panduan Sekatarakyat bagi urusan pentadbiran dan hal-hal berkaitan KWPS. **(Seperti di Lampiran)**. Kandungan Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer adalah seperti yang berikut:

1. Nama

Aturan ini adalah dinamakan “Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer” SEKATARAKYAT.

2. Tujuan Aturan

Dokumen ini dikeluarkan adalah untuk panduan, pemantauan dan kawalan selia bagi Kumpulan Wang Penebusan Syer.

3. Tafsiran

Bagi tujuan dokumen ini, tafsiran berikut adalah diguna pakai :-

“Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Aturan” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan;

“Garis Panduan” ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari semasa ke semasa;

“Pekeliling” ertinya Pekeliling SKM yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari semasa ke semasa;

“Peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Koperasi” ertinya Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (SEKATARAKYAT);

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007,

“KWPS” ertinya Kumpulan Wang Penebusan Syer, dan

“Undang-undang Kecil (UUK)” ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh sesuatu koperasi pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

Sekiranya mana-mana definisi di atas bercanggah dengan tafsiran seperti yang terdapat pada Undang-undang Kecil (UUK) (di bawah Perkara 2, Tafsiran) atau sekiranya ia tidak tersenarai di atas, tafsiran yang terdapat pada Undang-undang Kecil (UUK) tersebut hendaklah digunakan.

4. Tujuan KWPS

Aturan ini diwujudkan selaras dengan **GP 23 Bahagian F : Keperluan Khusus dan Pengecualian** seperti yang berikut:

60. Keperluan khusus dan pengecualian sebagaimana peruntukan di dalam Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan yang perlu dipatuhi koperasi dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan adalah seperti yang berikut:

60.9 Modal Syer Ditebus dan Modal Syer Bonus

Koperasi hendaklah menebus modal syer dan syer bonus mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) koperasi. UUK menetapkan bahawa penebusan modal syer dan syer bonus hendaklah melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) dan Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus (KWPSB). Bagi Koperasi yang hendak menebus syer melalui Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah mematuhi Pekeliling Bilangan 1 tahun 2011.

Pekeliling Bilangan 1 tahun 2011 mensyaratkan untuk pembayaran syer dan yuran seperti yang berikut:

Perkara 7

Bagi membolehkan koperasi menggunakan KWRS untuk membuat pembayaran syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota, koperasi dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Mewujud dan memindahkan sekurang-kurangnya 5% daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS). Sekiranya KWPS telah mencapai 50% daripada jumlah modal syer

anggota, maka pindahan kepada KWPS adalah secara sukarela;

- (b) Mengguna KWPS terlebih dahulu sebelum menggunakan KWRS untuk membayar balik syer anggota;
- (c) Mewakilkkan KWRS sekurang-kurangnya 25% dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah seperti mana kehendak Pekeliling SKM Bilangan 1 tahun 2009; dan
- (d) Koperasi perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu.

5. Kegunaan KWPS

Wang ini digunakan untuk penebusan syer oleh anggota yang terhenti keanggotaannya dengan koperasi ini atas apa jua sebabnya. Kegunaan selain dari tujuan seperti yang dinyatakan ini adalah tidak dibenarkan sama sekali.

6. Pembayaran KWPS

- a) Pembayaran hanya akan dilaksanakan kepada anggota yang berhenti dari menjadi anggota koperasi ini seperti Perkara 5 dalam Aturan ini.
- b) Bagi anggota yang berhenti dari menjadi anggota pada atau sebelum 31 Disember pada tahun kewangan adalah layak menerima dividen Modal Syer dan nama masih lagi disenaraikan didalam rekod keanggotaan sehingga 31 Disember tahun berkenaan.
- c) Lembaga boleh menangguhkan pembayaran bagi penebusan syer anggota atas sebab seperti Perkara 5 dalam Aturan ini sekiranya jumlah wang di dalam Kumpulan Wang Penebusan Syer tidak mencukupi untuk menampung jumlah syer yang ditebus.

7. Sumber Kewangan

Memindahkan sekurang-kurangnya 5% daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke KWPS.

Sekiranya KWPS telah mencapai 50% daripada jumlah Modal Syer anggota, maka pindahan kepada KWPS adalah secara sukarela.

8. Perlakuan Perakaunan Penebusan & Penerbitan Semula Modal Syer

i. Anggota Berhenti

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

Dt: KWPS/KWRS/KWPSB xx
Kt Bank xx

Dt: Modal Syer / Syer Bonus xx
Kt Modal Syer Ditebus/ xx
Syer Bonus Ditebus

ii. Anggota Baru/ Tambah Syer

Dt: Bank xx
Kt KWPS/KWRS/KWPSB xx

Dt: Modal Syer Ditebus / Syer Bonus Ditebus xx*
Kt Modal Syer / Syer Bonus xx

*(*Tertakluk kepada baki yang ada. Sekiranya tiada baki lagi, maka catatan akaun yang terlibat ialah: Debit - Bank dan Kredit - Modal Syer)*

9. Audit dan Badan Pemantau

Juruaudit Dalaman (JAD) dan/atau Juruaudit Luar yang dilantik oleh Lembaga dibenarkan untuk memeriksa dan mengaudit KWPS dan seterusnya memberi nasihat kepada Lembaga untuk penambahbaikan ke atas KWPS.

10. Laporan

Pengurusan akan menyediakan laporan bulanan dalam mesyuarat bulanan Lembaga berkenaan KWPS.

11. Pindaan Aturan

(a) Lembaga Pengarah diberi mandat dan kuasa untuk meminda sebarang syarat di dalam KWPS dari semasa ke semasa.

(b) Sebarang perubahan dan pindaan perlu dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan untuk kelulusan dan perlu dimaklumkan kepada anggota.

12. Tarikh Kuatkuasa

Aturan ini berkuatkuasa mulai tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

3.2 Aturan ini menerangkan berkenaan keperluan dan kegunaan KWPS.

3.3 Aturan ini menjadikan KWPS lebih kemas dan teratur.

4.0 RUMUSAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 dipohon meluluskan cadangan ini.

SEKATARAKYAT

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)**

ATURAN KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER

**ATURAN KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER
KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD
(SEKATARAKYAT)**

SUSUNAN ATURAN KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER

- 1. Nama**
- 2. Tujuan Aturan**
- 3. Tafsiran**
- 4. Tujuan KWPS**
- 5. Kegunaan KWPS**
- 6. Pembayaran KWPS**
- 7. Sumber Kewangan**
- 8. Perlakuan Perakaunan Penebusan & Penerbitan Semula Modal Syer**
- 9. Audit dan Badan Pemantau**
- 10. Laporan**
- 11. Pindaan Aturan**
- 12. Tarikh Kuatkuasa**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

1.	Aturan ini adalah dinamakan “Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer” SEKATARAKYAT.	Nama
2.	Dokumen ini dikeluarkan adalah untuk panduan, pemantauan dan kawalan selia bagi Kumpulan Wang Penebusan Syer.	Tujuan Aturan
3.	<p>Bagi tujuan dokumen ini, tafsiran berikut adalah diguna pakai :-</p> <p>“Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;</p> <p>“Aturan” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan;</p> <p>“Garis Panduan” ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari semasa ke semasa;</p> <p>“Pekeliling” ertinya Pekeliling SKM yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari semasa ke semasa;</p> <p>“Peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;</p> <p>“Koperasi” ertinya Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (SEKATARAKYAT);</p> <p>“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan;</p> <p>“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007,</p> <p>“KWPS” ertinya Kumpulan Wang Penebusan Syer, dan</p> <p>“Undang-undang Kecil (UUK)” ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh sesuatu koperasi pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.</p>	Tafsiran

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

	<p>Sekiranya mana-mana definisi di atas bercanggah dengan tafsiran seperti yang terdapat pada Undang-undang Kecil (UUK) (di bawah Perkara 2, Tafsiran) atau sekiranya ia tidak tersenarai di atas, tafsiran yang terdapat pada Undang-undang Kecil (UUK) tersebut hendaklah digunakan.</p>	
4.	<p>Aturan ini diwujudkan selaras dengan GP 23 Bahagian F : Keperluan Khusus dan Pengecualian seperti yang berikut:</p> <p>60. Keperluan khusus dan pengecualian sebagaimana peruntukan di dalam Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan yang perlu dipatuhi koperasi dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan adalah seperti yang berikut:</p> <p>60.9 Modal Syer Ditebus dan Modal Syer Bonus</p> <p>Koperasi hendaklah menebus modal syer dan syer bonus mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) koperasi. UUK menetapkan bahawa penebusan modal syer dan syer bonus hendaklah melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) dan Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus (KWPSB). Bagi Koperasi yang hendak menebus syer melalui Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah mematuhi Pekeliling Bilangan 1 tahun 2011.</p> <p>Pekeliling Bilangan 1 tahun 2011 mensyaratkan untuk pembayaran syer dan yuran seperti yang berikut:</p> <p><u>Perkara 7.</u></p> <p>Bagi membolehkan koperasi menggunakan KWRS untuk membuat pembayaran syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota, koperasi dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:</p> <p>(a) Mewujud dan memindahkan sekurang-kurangnya 5% daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS). Sekiranya KWPS telah mencapai 50% daripada jumlah modal syer anggota, maka pindahan kepada KWPS adalah secara sukarela;</p> <p>(b) Mengguna KWPS terlebih dahulu sebelum menggunakan KWRS untuk membayar balik syer anggota;</p> <p>(c) Mewakillan KWRS sekurang-kurangnya 25% dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti</p>	Tujuan KWPS

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

	<p>deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah seperti mana kehendak Pekeliling SKM Bilangan 1 tahun 2009; dan</p> <p>(d) Koperasi perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu.</p>	
5.	<p>Wang ini digunakan untuk penebusan syer oleh anggota yang terhenti keanggotaannya dengan koperasi ini atas apa jua sebabnya. Kegunaan selain dari tujuan seperti yang dinyatakan ini adalah tidak dibenarkan sama sekali.</p>	<p>Kegunaan KWPS</p>
6.	<p>a) Pembayaran hanya akan dilaksanakan kepada anggota yang berhenti dari menjadi anggota koperasi ini seperti Perkara 5 dalam Aturan ini.</p> <p>b) Bagi anggota yang berhenti dari menjadi anggota pada atau sebelum 31 Disember pada tahun kewangan adalah layak menerima dividen Modal Syer dan nama masih lagi disenaraikan didalam rekod keanggotaan sehingga 31 Disember tahun berkenaan.</p> <p>c) Lembaga boleh menangguhkan pembayaran bagi penebusan syer anggota atas sebab seperti Perkara 5 dalam Aturan ini sekiranya jumlah wang di dalam Kumpulan Wang Penebusan Syer tidak mencukupi untuk menampung jumlah syer yang ditebus.</p>	<p>Pembayaran KWPS</p>
7.	<p>Memindahkan sekurang-kurangnya 5% daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke KWPS.</p> <p>Sekiranya KWPS telah mencapai 50% daripada jumlah Modal Syer anggota, maka pindahan kepada KWPS adalah secara sukarela.</p>	<p>Sumber Kewangan</p>
8.	<p>iii. Anggota Berhenti</p> <p><i>Dt: KWPS/KWRS/KWPSB xx</i> <i> Kt Bank xx</i></p> <p><i>Dt: Modal Syer / Syer Bonus xx</i> <i> Kt Modal Syer Ditebus/ xx</i> <i> Syer Bonus Ditebus</i></p> <p>iv. Anggota Baru/ Tambah Syer</p> <p><i>Dt: Bank xx</i> <i> Kt KWPS/KWRS/KWPSB xx</i></p> <p><i>Dt: Modal Syer Ditebus* / Syer Bonus Ditebus xx</i> <i> Kt Modal Syer / Syer Bonus xx</i></p> <p><i>(*Tertakluk kepada baki yang ada. Sekiranya tiada baki</i></p>	<p>Perlakuan Perakaunan Penebusan & Penerbitan Semula Modal Syer</p>

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

	<i>lagi, maka catatan akaun yang terlibat ialah: Debit- Bank dan Kredit - Modal Syer)</i>	
9.	Juruaudit Dalaman (JAD) dan/atau Juruaudit Luar yang dilantik oleh Lembaga dibenarkan untuk memeriksa dan mengaudit KWPS dan seterusnya memberi nasihat kepada Lembaga untuk penambahbaikan di ke atas KWPS.	Audit dan Badan Pemantau
10.	Pengurusan akan menyediakan laporan bulanan dalam mesyuarat bulanan Lembaga berkenaan KWPS.	Laporan
11.	(a) Lembaga Pengarah diberi mandat dan kuasa untuk meminda sebarang syarat di dalam KWPS dari semasa ke semasa. (b) Sebarang perubahan dan pindaan perlu dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan untuk kelulusan dan perlu dimaklumkan kepada anggota.	Pindaan Aturan
12.	Aturan ini berkuatkuasa mulai tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.	Tarikh Kuatkuasa

PERKARA 12
MENGISYTIHAR ATAU MENERBITKAN SYER-SYER BONUS
(TIADA)

PERKARA 13

**MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN
KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI
TELAH DIBERIKAN**

PERKARA 14

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA
UNDANG-UNDANG KECIL SEKATARAKYAT**

PERKARA 15

**MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG SUATU NOTIS YANG
TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA
SEKATARAKYAT, YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN
DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT**

(TIADA)

PERKARA 16

**MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN BAGI PELANTIKAN ORANG-ORANG
YANG KOMPETEN UNTUK MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

**CADANGAN MEMOHON KELULUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2026
UNTUK MEMBERI MANDAT KEPADA LEMBAGA PENGARAH BAGI MELANTIK
ORANG-ORANG YANG KOMPETEN UNTUK MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT
DALAMAN**

1.0 TUJUAN

Cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 untuk memberi mandat kepada Lembaga Pengarah bagi melantik Orang-orang yang kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa Audit Dalaman memainkan peranan penting dalam sistem tadbir urus koperasi berkaitan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko kerana ianya berupaya menyediakan penilaian yang bebas dan boleh menjadi petunjuk terhadap pematuhan ke atas undang-undang, dasar dan prosedur sedia ada di Sekatarakyat.
- 2.2 Oleh kerana kekangan masa dan tanggungjawab, Jawatankuasa Audit Dalaman didapati tidak berfungsi sepenuhnya seperti yang perlu dijalankan bagi memenuhi Garis Panduan 4 yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah berpendapat Sekatarakyat perlu melantik orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman yang telah dilantik.
- 2.3 Permohonan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan bagi cadangan pelantikan orang-orang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat bermula dari tahun 2020 apabila cadangan telah diluluskan di Mesyuarat Agung Perwakilan pada 7 Mac 2020.
- 2.4 Mesyuarat Agung Perwakilan juga telah meluluskan perbelanjaan yang melibatkan kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak yang dilantik bagi membantu jawatankuasa tersebut seperti butiran yang berikut :-
- | | | |
|-------|----------------------|---------------------|
| 2.4.1 | RM80,000.00 setahun | : Tahun 2020 - 2023 |
| 2.4.2 | RM90,000.00 setahun | : Tahun 2024 |
| 2.4.3 | RM120,000.00 setahun | : Tahun 2025 |
- 2.5 Lembaga Pengarah telah bersetuju melantik firma LTTH Plt. sebagai orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman berkuatkuasa mulai 24 Jun 2025 dengan kos pengauditan sebanyak RM70,000.00 bagi tempoh kerja pengauditan untuk satu tahun berkuatkuasa dari 25 Mac 2025 hingga 24 Mac 2026.

2.6 Skop pengauditan yang telah ditetapkan kepada firma tersebut bagi tahun 2025 adalah seperti yang berikut :-

2.6.1 Ar-Rahnu (ARX Jalan Othman, Sungai Besi dan Dengkil)

2.6.2 Bidang Kuasa Pengurusan

3.0 CADANGAN

3.1 Perbelanjaan untuk Orang Kompeten di dalam Belanjawan 2026 adalah sebanyak RM200,000.00.

3.2 Orang-orang yang kompeten yang dilantik akan membentangkan laporannya di mesyuarat bersama-sama Jawatankuasa Audit Dalaman dan laporan tersebut pula akan dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut kepada Lembaga Pengarah.

3.3 Lembaga Pengarah memohon mandat Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) 2026 untuk melantik Orang Kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman menjalankan tugas-tugas mereka di Sekatarakyat bagi mengekalkan kesinambungan kerja-kerja yang telah dilakukan dalam tahun 2025.

3.4 Skop pengauditan akan ditentukan kemudian oleh Sekatarakyat berdasarkan cadangan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman kepada Lembaga Pengarah dan tertakluk kepada persetujuan Lembaga Pengarah.

4.0 KESIMPULAN

Mesyuarat Agung Perwakilan 2026 dipohon meluluskan cadangan ini.

PERKARA 17

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK
DIKEMUKAKAN MENURUT PERATURAN-PERATURAN**

LAPORAN KURSUS LUAR NEGARA BAGI LEMBAGA PENGARAH

(TIADA)